

PERCUMA

DISEMBER 16 - 31, 2019



BULETIN MUTIARA



www.buletinmutiara.com



buletinmutiara | ChowKonYeow



chowkonyeow



@ChowKonYeow

Pembesaran PIA dijangka bermula Mac 2020

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

GEORGE TOWN – Projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) dekat Bayan Lepas telah mendapat kebenaran merancang daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pada 3 Disember lalu.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo mengumumkan perkara itu pada sidang media dekat Pejabat Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri di sini 13 Disember lalu.

Menurut Jagdeep, projek yang menelan kos kira-kira RM800 juta tersebut dijangka bermula pada Mac tahun depan (2020) dan (jangka) selesai pada 14 Januari 2024.

“MBPP dalam mesyuarat Unit Pusat Setempat (OSC) telahpun meluluskan pelan kebenaran merancang bagi projek pembesaran PIA yang akan dilaksanakan melalui empat fasa.

“Fasa pertama adalah melibatkan pembinaan apron parkir dan jalan rayap serta infrastruktur lain.

“Fasa kedua pula melibatkan cadangan meroboh dan membina semula termasuk bangunan menara kawalan trafik udara, bangunan dua tingkat Pihak Berkua Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) serta bangunan Jabatan Meteorologi.

“Selain itu, turut dicadangkan adalah pembinaan satu unit bangunan dua tingkat Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat Lapangan Terbang serta bangunan Unit Bencana Udara.

“Pembinaan ruangan tambahan ini mampu meningkatkan kapasiti penumpang di terminal PIA daripada 6.5 juta kepada 12 juta setahun,” ujarnya.

Hadir sama, wakil Datuk Bandar MBPP, Zuraini Mat Rasit; Setiausaha Bandaraya bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato’ Ir. Addnan Mohd. Razali; Timbalan

Pengarah (Perancangan) PLANMalaysia @Pulau Pinang Pinang, Mohd. Bashir Sulaiman serta Pengurus Besar Ahs Architects Sdn. Bhd. yang juga perunding utama projek, Datuk Ar. Abu Hassan Salleh.

Dalam pada itu, Abu Hassan memberitahu



ILUSTRASI
artis yang menunjukkan bahagian dalaman.

bahawa pembesaran PIA adalah melibatkan penambahan dua kali ganda keluasan terminal berbanding 54,000 meter persegi pada hari ini.

“Projek ini juga dijangka mampu menampung sehingga 28 pesawat komersial pada satu-satu masa berbanding hanya 15 pesawat pada waktu ini.

“Justeru, projek pembesaran ini akan memfokuskan bahagian utara terlebih dahulu supaya tidak mengganggu operasi di terminal utama dan selepas semua telah siap, barulah kerja di terminal utama akan dimulakan,” jelasnya.



JAGDEEP Singh Deo (dua dari kiri) dan wakil-wakil berkaitan pada sidang media pengumuman berkenaan di sini baru-baru ini.



LAKARAN
artis berhubung rupa bentuk PIA selepas kerja pembesaran dijalankan.



LAKARAN ilustrasi di landasan pelepasan.

(Lagi berita di muka 6).

Hari Sains dan Inovasi semai minat pelajar terhadap STEM



PARA pelajar dengan hasil inovasi masing-masing.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

PINANG TUNGGAL - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menganggap penganjuran Hari Sains dan Inovasi Pelajar 2019 turut menyemai minat pelajar-pelajar sekolah terhadap Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Justeru, beliau berharap inisiatif membabitkan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang bersama-sama Bahagian Penerangan Kerajaan Negeri, Pejabat Ketua Menteri dan Sekolah Kebangsaan (SK) Pokok Sena selaku tuan rumah dapat diadakan secara lebih besar-besaran pada masa hadapan.

"Saya telah melihat sendiri beberapa hasil eksperimen yang dibawa oleh murid dari beberapa sekolah pada hari ini.

"Saya harap langkah-langkah kecil (melalui penganjuran Hari Sains dan Inovasi Pelajar) ini, ia akan dapat menyemai minat pelajar-pelajar dalam mata pelajaran STEM," jelasnya ketika merasmikan program tersebut di sini pada 26 Oktober 2019.

Turut berucap, Timbalan Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang, Abdul Rashid Abdul Samad.

Hadir sama, Pegawai Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Zulkifli Rashid; Ketua Penolong Pengarah Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Pulau Pinang (BTPN Pulau



KETUA Menteri meneliti sambil mendengar penjelasan daripada salah seorang pelajar yang mengambil bahagian pada penganjuran Hari Sains dan Inovasi Pelajar 2019 di sini baru-baru ini.

Pinang), Mohd. Yusoff Sahab dan Guru Besar SK Pokok Sena, Mohd. Zubir Mat Zain.

Selain itu, Kon Yeow turut merakamkan penghargaan kepada Jabatan Pendidikan Negeri kerana memberi bantuan memudahkan proses penyeluruh peruntukan penyelenggaraan kepada 170 SK dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) bagi tahun 2019.

Di samping itu, tambah beliau, Kerajaan Negeri sendiri turut meningkatkan peruntukan penyelenggaraan kepada SK serta SMK daripada RM3 juta kepada RM5 juta bagi tahun belanjawan 2020.

Sebelum itu, Kon Yeow diiringi Abdul Rashid dan juri pertandingan mengikuti sesi perbentangan projek inovasi sains oleh murid-murid yang mengambil bahagian di gerai pameran masing-masing.

SK Desa Murni muncul sebagai juara Kategori A Pertandingan Sains dan Inovasi, diikuti, SK Kampung Selamat dan SK Pokok Sena masing-masing di tempat kedua serta ketiga.

Selain itu, SK Taman Impian menjuarai Kategori B pertandingan, diikuti, SK Permatang Pasir (tempat kedua) dan SK Penaga (tempat ketiga).

Juara Olimpik teruja dengan keunikan Pulau Pinang

PERTEMUAN BERSAMA JUARA DUNIA... Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menzahirkan rasa bangga kerana jawatankuasa *Penang Bridge International Marathon* (PBIM) 2019 memilih atlet ternama dunia, Bernard Kipchirchir Lagat sebagai duta penganjuran pada tahun ini.

Kon Yeow menyatakan perkara itu dalam sesi kunjungan hormat oleh pemenang pingat Sukan Olimpik itu dekat pejabat beliau di

Komtar pada 22 November lalu.

Difahamkan, Lagat, 44, dipilih sebagai duta PIBM berdasarkan kecemerlangan beliau yang berjaya mengumpul 13 pingat melalui Kejohanan Dunia dan Sukan Olimpik. Selain itu, beliau juga berjaya mencatatkan masa terbaik iaitu 2:12:10 bagi acara maraton pada Kejohanan Gold Coast Marathon, Australia pada tahun ini.


Dalam pada itu, Lagat

menyatakan bahawa beliau merasa bertuah kerana dipilih sebagai duta larian berprestij yang berlangsung dengan jayanya saban tahun.

"Saya juga merasa teruja merasai pengalaman mengenali budaya, menikmati makanan, pemandangan menarik di sini, dan

yang paling penting adalah meraikan para peserta larian," ujarnya.

Hadir sama, Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan yang juga Pengerusi Jawatankuasa PBIM 2019, Yeoh Soon Hin; Pengarah Projek PBIM 2019, Grace Teoh dan Pengurus Lagat, James Templeton.



(Dari kiri), BERNARD Kipchirchir Lagat, Ketua Menteri dan Yeoh Soon Hin pada majlis kunjungan hormat di sini baru-baru ini.



Oleh: AZMI HUSSIN

Projek PTSP ketiga tingkat jaminan bekalan air

Oleh : AINUL WARDAH SOHILLI

Gambar : CHAN KOK KUAN

GEORGE TOWN – Kerja-kerja fasa akhir Projek Saluran Paip Berkembar Dasar Laut Pulau Pinang (PTSP) ketiga dilaksanakan mengikut jadual dan dijangka siap menjelang akhir tahun 2020.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, projek bernilai RM114.3 juta itu merupakan inisiatif pembekalan air yang berpandangan jauh.

“Projek PTSP ketiga ini akan meningkatkan jaminan bekalan air untuk penduduk yang tinggal di kawasan selatan Pulau Pinang bermula dari Bukit Dumbar ke Teluk Kumbar.

“(Dan) sebahagian daripada air terawat juga akan disalurkan ke Balik Pulau dan memanfaatkan kira-kira 500,000 penduduk di kawasan berkaitan,” ujarnya sejurus lawatan kerja teknikal ke tapak projek di Lebuh Gat Macallum dekat sini 23 November lalu.

Mengulas lanjut, Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi menyatakan bahawa Projek PTSP ketiga berkaitan merupakan projek kejuruteraan bekalan air berorientasikan masa depan yang baik.

“Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedang melaksanakan pelbagai projek pembangunan sosioekonomi di kawasan selatan pulau untuk masa hadapan.

Tambahan pula, terdapat banyak perniagaan yang beroperasi di kawasan tersebut termasuk syarikat pembuatan antarabangsa berteknologi tinggi serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Bayan Lepas dan Batu Maung.

“Kita (Kerajaan Negeri) perlu menyalurkan lebih banyak air ke kawasan ini pada masa hadapan sejajar dengan jangkaan pertumbuhan penduduk dan keadaan sosioekonomi akan datang.

“Apabila siap kelak, Projek PTSP ketiga ini akan membolehkan penyaluran 315 juta liter air bersih sehari (MLD) dengan lebih efisien dari Seberang Perai ke bahagian pulau,” katanya sambil memuji pendekatan pandangan jauh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) dalam menjamin bekalan air di Pulau Pinang pada masa hadapan.

Difahamkan, saluran paip berkembar dasar laut pertama ditaliahkan pada 1973 yang mana paip tersebut hampir mencecah akhir hayat atau EOL iaitu 50 tahun dan saluran paip berkembar ketiga berkenaan akan menjadi sokongan kepada saluran paip kedua (1996) sekiranya saluran paip lama mencapai EOL.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato’ Ir. Jaseni Maidinsa memberitahu bahawa projek berkaitan dibahagikan kepada tiga fasa secara berpakej dengan kos keseluruhan adalah RM114.3 juta.

“Pakej 1 merujuk kepada pemasangan saluran paip tanah 1,800 milimeter (mm)



IR. Jaseni Maidinsa (dua dari kiri) memberi penerangan kepada Ketua Menteri berhubung kerja-kerja fasa akhir PTSP ketiga di sini baru-baru ini.

sepanjang 0.9 kilometer (km) di kawasan Macallum dan telah siap pada November 2017 dengan kos RM9.2 juta.

“Pakej 2 pula meliputi pemasangan saluran paip tanah 1,800mm sepanjang 0.8km di Butterworth dan telah siap pada Ogos 2019 dengan kos RM15.2 juta.

“Manakala Pakej 3, membabitkan pemasangan saluran paip dasar laut berkembar 1,200mm sepanjang 3.2km merentasi selat yang memisahkan Seberang Perai dan bahagian pulau, kini dalam pelaksanaan dengan kos RM89.9 juta.

“(Dan) sehingga 31 Oktober 2019, kemajuan keseluruhan projek adalah pada 34.04 peratus dan PBAPP berharap petaulahan sepenuhnya projek ini menjelang akhir tahun 2020,” jelasnya usai lawatan berkaitan.

Turut sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalon Kota, Daniel Gooi Zi Sen; Setiausaha Bandaraya bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato’ Ir. Addnan Mohd. Razali; Timbalan Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Ooi Soon Lee;

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS), Marzuki Mokhtar; wakil-wakil daripada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Jabatan Tanah dan Galian Negeri, Perbadanan Ketua Menteri (CMI) serta perunding kejuruteraan, SMHB Sdn. Bhd..

Dalam perkembangan berkaitan, Jaseni maklumkan bahawa pihaknya kini sedang menunggu jawapan daripada Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) bagi mengadakan perbincangan berhubung Skim Pemindahan Air Mentah Sungai Perak (SPRWTs).

“Kita (Kerajaan Negeri dan PBAPP) telah mengemukakan cadangan kepada KATS dengan melihat pilihan terbaik untuk semua.

“PBAPP juga telah melaksanakan kajian sejak 2009 dan berharap dapat menerima air menjelang 2025 bagi menjamin bekalan air sehingga 2050 dan seterusnya.

“Ini bermakna, kita (PBAPP) perlu memulakan kerja-kerja berkaitan tahun hadapan dengan jangkaan kos sebanyak RM1.4 bilion,” katanya.



RUPA bentuk paip di tapak projek berkaitan.

Empat inisiatif pintar laksana demonstrasi 5G bermula Januari

GEORGE TOWN – Empat inisiatif pintar telah dikenal pasti berhubung pelaksanaan Projek Demonstrasi 5G di Pulau Pinang yang dijadual bermula pada Januari 2020.

Inisiatif tersebut ialah analisis video kamera litar tertutup (CCTV) oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), lampu jalan 5G (dengan kerjasama Penyelidikan Kejuruteraan, Sains dan Teknologi, CREST), Penang Smart Parking (PSP) dan sistem amaran paras air kawalan banjir oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

Ketua Jabatan Siasatan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Rizal Abd. Malek berkata bahawa pelaksanaan demonstrasi selama enam bulan tersebut akan dijalankan sehingga Jun 2020.

“Perkhidmatan generasi kelima (5G) tidak akan tersedia secara komersial kerana kami hanya akan menjalankan kerja demonstrasi sehingga Jun tahun hadapan



JAGDEEP Singh Deo.

(2020) dan pelancaran komersial ini hanya akan berlangsung pada 2021.

“Bagi tujuan tersebut, satu mesyuarat peringkat negeri dan agensi kerajaan serta

pembekal perkhidmatan akan dilakukan yang mana pihak kami menyasarkan sekurang-kurangnya tujuh syarikat telekomunikasi telah mengemukakan cadangan masing-masing kepada SKMM pada 30 November 2019 membabitkan inisiatif pintar yang bakal dibangunkan,” ujarnya.

Majlis Perasmian Bengkel Inisiatif Strategik Penang2030 D3 - Mengintegrasikan Perkhidmatan Perbandaran dengan Teknologi Pintar berkaitan disempurnakan oleh Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo.

Difahamkan, bengkel yang diadakan itu adalah untuk merangka program dan projek bersesuaian selaras dengan salah satu daripada 16 inisiatif strategik (D3) Visi Penang2030.

Dalam pada itu, Jagdeep menyatakan bahawa Pulau Pinang bakal mengutamakan

tiga daripada sembilan bidang atau kawasan di bawah Projek Demonstrasi 5G berkenaan.

“Tiga bidang utama ini ialah pembuatan, pelancongan dan bandar pintar.

“Manakala, sektor pertanian, pendidikan, hiburan dan media, penjagaan kesihatan digital, minyak dan gas, serta pengangkutan pintar adalah bidang selebihnya,” jelasnya lanjut sambil memberitahu bahawa adalah penting untuk Pulau Pinang mempersiap dan melengkapkan kemudahan 5G berkaitan.

Dilaporkan, Pulau Pinang adalah salah sebuah daripada enam negeri yang dipilih Kementerian Komunikasi dan Multimedia melalui SKMM sebagai lokasi ujian untuk pelaksanaan Projek Demonstrasi 5G berkaitan.

Negeri-negeri lain yang terlibat sama adalah Kedah, Perak, Selangor, Terengganu dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

GBS One Mahsuri bakal dapat sambutan para pelabur

Gambar : ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

BAYAN LEPAS - Orientasi keuntungan bukan lagi menjadi keutamaan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bagi projek pembinaan Perkhidmatan Perniagaan Global (GBS) baharu iaitu GBS One Mahsuri yang berada bersebelahan ibu pejabat perbadanan berkenaan di sini.

Mengulas lanjut, Pengurus Besar PDC, Dato' Mohd. Bazid Abd. Kahar berkata, tujuan utama pemajuan projek GSB tersebut adalah untuk menarik lebih ramai pelabur ke Pulau Pinang, seterusnya mewujudkan limpahan kemewahan ekonomi buat rakyat teramai serta Pihak Berkuasa Negeri sendiri.

"Dulu PDC jual tanah, sekarang kita ubah corak perancangan pembangunan korporat kita.

"Bagi sektor bukan kerajaan (*private sector*), mungkin akan menunjukkan peratusan pertumbuhan perniagaan mereka itu, dan ini (selain aspek) orientasi keuntungan dalam bentuk duit ringgit adalah paling utama, tapi tidak bagi PDC."

"Apa pun, keuntungan (dalam bentuk duit ringgit) itu bukan menjadi faktor yang utama, kita (PDC) nak menarik pihak-pihak (pelabur) luar agar ia menepati kehendak (Pihak Berkuasa) Negeri, serta bagi tempoh jangka panjang ia akan membawa faedah berantai untuk rakyat teramai, (Kerajaan) Negeri dan PDC."

"Sekarang ini, kita (PDC) sedang berusaha 'memanjangkan' kawasan perindustrian di Pulau Pinang, ini adalah apa yang kita panggil 'tarikan' serta tumpuan, ramai pihak berminat (untuk



MOHD. Bazid Abd. Kahar dan barisan kakitangannya merakam gambar *wefie* bersama-sama Ketua Menteri pada Majlis Rumah Terbuka Deepavali PDC di sini baru-baru ini.

melabur).

"Maknanya, ini adalah projek pembangunan pada tahap selanjutnya yang tengah kita (PDC) buat," jelasnya kepada pemberita selepas acara perasmian Rumah Terbuka Deepavali PDC yang disempurnakan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow di sini pada 21 November 2019.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy dan Pengerusi Persatuan Hindu PDC 2019, L. Muthukumaran antara ratusan hadirin yang menyertai acara rasmi PDC tersebut.

Kon Yeow dalam ucapannya antara lain

berharap pentadbiran baharu PDC di bawah kepemimpinan Mohd. Bazid dapat memacu pertumbuhan ekonomi negeri.

"Saya berharap PDC sebagai agensi pembangunan utama dan unggul di negeri ini mampu mencapai lebih banyak kejayaan di masa hadapan terutamanya dalam meneraju pertumbuhan sosioekonomi serta peningkatan kualiti hidup warga Pulau Pinang," serunya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi.

Mengulas kenyataan Kon Yeow itu, Mohd. Bazid memberitahu bahawa kini, tahap

perkembangan projek pembinaan GBS One Mahsuri adalah mengikut jadual pembangunan, dan dijangka siap sepenuhnya pada bulan April 2020.

"(GBS) ini sangat penting bagi PDC kerana kita nak menarik pihak (pelabur) luar untuk GBS ini."

"Setakat ini, bagus, telah ada pihak yang berminat, walaupun belum penuh lagi, tapi, kita (PDC) yakin kelak ia akan penuh," ujarnya.

Beliau yakin bahawa GBS One Mahsuri akan mendapat sambutan para pelabur, sebagaimana yang dapat dilihat di beberapa negara maju.

"Permintaan pada GBS ini, kalau ditengok pada peringkat dunia, seperti India dan Filipina, GBS ini memang mencorak (sektor pelaburan negara).

"Jadi, inilah corak pelan pembangunan pelaburan yang kita dapat lihat, jadi kita buat 'corak' yang diperlukan pada masa kini," respons Mohd. Bazid.

Terdahulu, Kon Yeow ketika menyampaikan ucapan sempena Persidangan Sektor GBS Kali Kelima pada 22 Ogos lepas, mengumumkan hasrat Kerajaan Negeri untuk membina GBS One Mahsuri.

Menerusi projek itu, Kon Yeow menyatakan bahawa ruang pejabat Gred A dengan luas lantai keseluruhan kira-kira 80,000 kaki persegi akan disediakan untuk memenuhi keperluan masa hadapan industri bagi sektor GBS negeri.

Menurut beliau, industri GBS One Mahsuri berkaitan diharap mampu memangkin Pulau Pinang sebagai 'Lembah Silikon Asia'.

Kenal pasti lima bidang tanah untuk PPR

BAYAN LEPAS - Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengenal pasti lima bidang tanah khusus bagi tujuan pembinaan Projek Perumahan Rakyat (PPR).

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, lima bidang tanah yang dikenal pasti merangkumi dua plot di bahagian pulau dan Seberang Perai (3).

Menurut beliau, lima bidang tanah berkeluasan 72.3 ekar adalah terletak di Bandar Jelutong, Jalan Mayang Pasir, Ujung Batu, Kampung Tongkang dan Batu Kawan.

"Kerajaan Negeri sentiasa komited untuk membantu golongan berpendapatan rendah dengan meneruskan program Skim Sewa Beli (RTO) untuk PPR walaupun terdapat rancangan Kerajaan Persekutuan mahu menjenamakan semula skim tersebut."

"Justeru, saya menggesa Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) supaya menulis surat kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

"Langkah ini bertujuan memastikan sebahagian daripada peruntukan RM10 bilion yang

diumumkan bagi belanjawan negara pada tahun depan boleh digunakan untuk membiayai skim tersebut.

"Pulau Pinang masih akan mengekalkan skim RTO untuk membantu mereka yang miskin menyewa sebelum memiliki unit PPR," katanya pada sidang media di sini 27 November lalu.

Hadir sama, Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Perumahan) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, 'Ainul Fadhilah Samsudi serta Penolong Setiausaha Kanan (Seksyen Pengurusan Perumahan), Mohd. Fauzy Mohd. Yusoff.

Dalam perkembangan berkaitan, Jagdeep turut memberitahu bahawa PDC kini membangunkan 20 projek perumahan yang melibatkan sejumlah 21,484 unit.

Daripada jumlah tersebut katanya, 1,568 unit telah dibina, sedang dibina (3,677) dan telah diluluskan untuk dibina (16,239).

"Sebanyak 3,677 unit sedang dibina adalah melibatkan tujuh projek yang mana tiga daripadanya dijadualkan siap pada suku pertama tahun depan.

"Tiga projek berkenaan

ialah Dua Residensi dekat Teluk Kumbar dengan 694 unit, Jiran

Residensi dekat Kampung Jawa, daerah Seberang Perai Tengah (707)

dan Kepala Gajah, daerah Seberang Perai Selatan (41)," tambah beliau.

The advertisement features the Penang Smart Parking logo and the tagline "Imbas & Muat Turun Sekarang!" (Scan & Download Now!). It shows four main sections: DAFTAR (Register), BAYAR PARKING (Pay Parking), BAYAR KOMPAUN (Pay Compound), and BELI PAS BULANAN (Buy Monthly Pass). Each section includes a step-by-step guide on how to use the app. At the bottom, there is a QR code, download links for Google Play and App Store, and social media icons for Instagram, Twitter, and Facebook. The tagline "#barulahSmart" is also present.

Hukuman lebih berat jika pemaju gagal patuhi ESCP

TANJUNG BUNGA – Hukuman lebih berat akan dikenakan terhadap pemaju yang didapati gagal mematuhi Pelan Kawasan Hakisan dan Sedimentasi (ESCP).

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari berkata, dalam usaha mengurangkan kadar ketidakpatuhan pemaju terhadap ESCP, beliau telah mengemukakan cadangan bagi meminda Undang-undang Kecil Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan Jalan, Parit dan Bangunan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), 15 November lalu dalam Mesyuarat Exco.

“Pindaan terhadap undang-undang kecil tersebut akan membolehkan pihak berkuasa tempatan (PBT) menganakan kompaun lebih tinggi kepada pemaju yang gagal mematuhi ESCP.

“(Dan) pada masa sama, pindaan ini juga bertujuan untuk mengurangkan ketidakpatuhan pihak pemaju sekaligus dilihat mampu mengurangkan banjir lumpur serta pencemaran di negeri ini,” ujarnya selepas menghadiri program kesedaran sungai, ‘Jom Kenali Sungai Kelian’ yang diadakan berdekatan pondok nelayan Tanjung Bungah di sini baru-baru ini.

Menurut Zairil, Kerajaan Negeri sebelum

ini telah menubuhkan Jawatankuasa Ops Lumpur pada 2016 bagi memantau tapak pembinaan bagi memastikan ia memenuhi syarat dan peraturan ESCP.

“Enam pemeriksaan mengejut dilakukan pada tahun 2017 yang mana kami (jawatankuasa) mendapati empat daripadanya melanggar ESCP.

“Tahun lalu, saya mengarahkan supaya meningkatkan pemeriksaan mengejut kepada 18 (pemeriksaan) dan didapati kesemuanya, 100 peratus tidak mematuhi ESCP.

“Tahun ini, sehingga November, kami telah mengadakan 66 pemeriksaan dan 55 daripadanya adalah tidak mematuhi ESCP,” dedahnya.

Mengulas lanjut, Zairil yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bungah memaklumkan bahawa bilangan pemeriksaan mengejut yang diadakan tidak dapat membendung ketidakpatuhan pihak pemaju terhadap ESCP.

“PBT hanya mengeluarkan Notis Berhenti Kerja (SWO) dan kompaun ketidakpatuhan ESCP di Pulau Pinang serendah RM250 sahaja.

“Sebab itu, saya ingin menaikkan kadar kompaun sama seperti yang dilaksanakan di



ZAIRIL Khir Johari (kiri sekali) meneliti pelan-pelan berkaitan sambil diberikan taklimat oleh pihak petugas bersempena penganjuran program Jom Kenali Sungai Kelian di sini baru-baru ini.

Selangor iaitu RM250,000 bagi setiap kesalahan.

“(Dan) saya percaya barisan Exco bersetuju dengan cadangan supaya mengkaji semula bagi membolehkan pindaan dilakukan dan meluluskannya dalam masa terdekat,” jelasnya.

Terdahulu, seramai 120 individu mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti yang dianjurkan bersama oleh badan bukan kerajaan

(NGO) seperti *Cleaner Greener Penang*, *Penang Forum*, *Penang Hills Watch*, Ruang Kongsi dan Persatuan Penduduk Tanjung Bungah serta Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP).

Antaranya, pameran di Sungai Kelian, bengkel lukisan kreatif, gotong-royong membersihkan pantai, tayangan dokumentari Sungai Kelian serta permainan tradisional.

Pasar Ko-op bantu usahawan promosi produk, manfaat golongan B40

Oleh : SUNARTI YUSOFF
Gambar : MUHAMAD RIADZ AKMAL RUSDANI

BERTAM – Koperasi mampu memainkan peranan penting dalam mengurangkan kos sara hidup masyarakat terutamanya golongan berpendapatan 40 peratus terendah (B40).

Mengulas lanjut, Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata, tujuan utama pengenalan program Pasar Ko-op adalah khusus untuk menangani masalah kenaikan kos sara hidup yang dihadapi masyarakat kini.

“Program yang memasuki tahun keenam tahun ini menawarkan barang runcit berkualiti dengan harga lebih rendah berbanding tempat-tempat lain.

“Inisiatif ini juga adalah sejarah dengan dasar Kerajaan Negeri yang bertujuan meringankan beban kewangan golongan kurang berasib baik.

“Pada masa sama, program ini juga dapat membantu usahawan tempatan mempromosikan produk masing-masing sambil memberi manfaat kepada komuniti B40 dan mereka yang kurang berasib baik,” ucapnya sejurus merasmikan Majlis Penutupan Program Pasar Ko-op dan Keusahawanan Koperasi Zon Utara di sini 24 November lalu.

Hadir sama, Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia (CIM), Ariffin Mamat.

Mengulas lanjut, Ahmad Zakiyuddin memberitahu bahawa Kerajaan Negeri juga menggalakkan masyarakat untuk menceburkan diri dalam bidang usahawan.



IR. AHMAD ZAKIYUDDIN ABDUL RAHMAN (dua dari kiri) memerhatikan beberapa produk yang dipasarkan peniaga bersempena penganjuran program Pasar Ko-op dan Keusahawanan Koperasi Zon Utara di sini baru-baru ini.

“Sebagai permulaan, mereka boleh mengambil bahagian dalam aktiviti yang dianjurkan oleh koperasi untuk meningkatkan pendapatan masing-masing.

“Pengalaman dan ilmu yang diperoleh akan dapat membantu usahawan mempromosikan produk, mengembangkan perniagaan serta mencari perusahaan baru,” katanya.

Difahamkan, seramai 32 usahawan tempatan mengambil bahagian dalam program berkenaan yang berlangsung selama dua hari pada 23 dan 24 November lalu.

Program anjuran Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Pulau Pinang dan Institut Koperasi Malaysia (CIM) Zon Utara berkenaan turut menampilkan pelbagai aktiviti seperti jualan kereta, pertandingan memasak serta khidmat perundingan daripada pelbagai agensi Kerajaan Negeri dan Pusat.

Empangan sebagai kawasan rekreasi tingkat kesedaran pulihara air

GEORGE TOWN – Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) mengumumkan bahawa Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang dibuka kepada umum sebagai kawasan rekreasi hijau dalam usaha meningkatkan kesedaran tentang pemuliharaan air.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato’ Ir. Jaseni Maidinsa berkata, pembukaan empangan kepada orang ramai bukan sahaja dapat mendidik komuniti tentang pemuliharaan air, malah juga mencerminkan ketelusan dalam pengurusan empangan.

“Empangan Air Itam serta Empangan Teluk Bahang dibuka kepada orang ramai dari jam 7 pagi hingga 7 malam setiap hari dan masuk adalah percuma.

“PBAPP juga akan membenarkan akses awam ke Empangan Mengkuang sebaik sahaja Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) menyerahkan empangan tersebut semula kepada Kerajaan Negeri sebelum diambil alih oleh PBAPP dan disahkan selamat,” ujarnya melalui kenyataan media pada pembentangan Persidangan Antarabangsa Mengenai Pengurusan Keselamatan dan Kejuruteraan Empangan (ICDSME) 2019 anjuran *Malaysia National Committee on Large Dams (MyCOLD)* di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Jaseni memberitahu bahawa dengan meletakkan kawasan empangan tersebut sebagai kawasan rekreasi umum, PBAPP perlu memastikan ia diselenggara dan dikendalikan dengan baik.

“Setiap aspek operasi empangan termasuk menyelenggara rumput sehingga memastikan keselamatan orang ramai diberi ketetapan.

“(Selain itu), ia juga mencerminkan komitmen PBAPP untuk telus dan cemerlang dalam pengurusan empangan,” katanya.

Jaseni dalam pada itu turut memberitahu bahawa pihaknya akan mendirikan papan lampu diod pemancar cahaya atau LED di kawasan empangan berkaitan bagi menunjukkan kapasiti efektif empangan semasa.

“Orang ramai boleh mengetahui serta memahami status empangan serta ketersediaan air mentah, dan ini akan membantu pemahaman masyarakat terutama pada musim kemarau yang mana paras empangan adalah rendah,” jelasnya.

Dalam aspek keselamatan di empangan, Jaseni maklumkan bahawa ia adalah di bawah kuasa pasukan polis bantuan PBAPP yang mana pos polis bantuan akan didirikan di dalam kawasan premis serta diawasi sepanjang masa.

“Pengunjung yang menggunakan empangan-empangan ini sebagai kemudahan rekreatif hijau dilindungi oleh undang-undang negeri bagi kawasan tadahan air hijau yang mana terdapat 11 kawasan tadahan utama di negeri ini.

“Serentak itu, pengguna empangan juga digalakkan untuk melaporkan sebarang aktiviti yang tidak normal atau apa sahaja kejadian kepada anggota polis bantuan PBAPP (untuk tindakan),” ujarnya yang mahu menjadikan empangan di Pulau Pinang sebagai daya tarikan pelancongan terbaru.

Starbucks Signing Store pengiktirafan terhadap golongan OKU

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : ALVIE CHENG

GEORGE TOWN – Starbucks Malaysia (Starbucks) mencipta satu lagi kejayaan dengan pembukaan *Starbucks Signing Store* pertama di Pulau Pinang yang terletak dekat Jalan Burmah.

Pembukaan itu sekaligus mencatat pengiktirafan terhadap golongan orang kurang upaya (OKU) pekak dan sukar mendengar untuk mendapatkan peluang pekerjaan yang lebih baik.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow ketika hadir merasmikan pembukaan berkenaan pada 19 November lalu memuji pendekatan inovatif pihak Starbucks yang disifatkan sebagai langkah tepat untuk membantu serta memperkasakan masyarakat OKU di negeri ini khususnya.

“Usaha murni Starbucks ini akan meningkatkan peluang serta akses pekerjaan kepada komuniti pekak.

“Ia benar-benar memberikan inspirasi dan kebanggaan apabila sebuah syarikat seumpama Starbucks mementingkan nilai kemanusian, menyokong serta membantu masyarakat yang lebih memerlukan.

“Dalam hal ini, pendekatan nilai komuniti dan sosial yang ditunjukkan pihak Starbucks juga mencerminkan visi Kerajaan Negeri untuk mewujudkan masyarakat yang benar-benar inklusif yang mana tiada sesiapa atau kelompok pun akan disisihkan,” serunya supaya lebih banyak pihak mengambil contoh usaha murni yang ditonjolkan syarikat berkenaan.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN); Kamala Shirin Lakhdhir (Duta Amerika Syarikat ke Malaysia); Datuk Seri Robin Tan Yeong Ching (Ketua Pegawai Eksekutif Berjaya Group) dan Sydney Quays (Ketua Pegawai Eksekutif Berjaya Food Bhd. merangkap



KETUA MENTERI, para jemputan dan kanak-kanak yang dijemput khas merakam gambar kenangan sambil menunjukkan simbol bahasa isyarat yang membawa maksud 'saya sayang kamu' atau 'i love you' pada Majlis Pembukaan Starbucks Signing Store pertama di Pulau Pinang baru-baru ini.

Pengarah Urusan Starbucks Malaysia & Brunei).

Pembukaan *Starbucks Signing Store* tersebut merupakan yang pertama di Pulau Pinang, dan kedua di dalam negara selepas pembukaannya tiga tahun lalu dekat Bangsar Village II, Kuala Lumpur.

Cawangan Starbucks Signing Store Jalan Burmah berkenaan mempunyai tujuh tenaga kerja warga pekak dan sukar mendengar dari Pulau Pinang yang fasih dalam bahasa isyarat dan turut dibantu kakitangan lain.

Dalam pada itu, menurut Quays, Starbucks juga menjalankan kerjasama dengan Persatuan Pekak Pulau Pinang (PDA) untuk memudahkan latihan profesional serta pembangunan pekerja di

kedai miliknya.

“Ini termasuk kelas bahasa isyarat Bahasa Malaysia dan peluang latihan.

“Sama seperti Starbucks lain, mereka (pekerja pekak dan sukar mendengar) ini juga berpeluang untuk memperkembangkan kerjaya di sini... mereka boleh menjalani Program Coffee Master untuk memperdalamkan pengetahuan tentang kopi dan kraf barista.

“Setelah selesai pensijilan kelak, pekerja-pekerja ini boleh dibezakan dengan celemek (apron) hitam yang mempunyai sulaman khusus tertera Starbucks dalam bahasa isyarat,” jelasnya.

(Dari muka 1).

TIA diyakini mampu surai trafik sepanjang proses pembesaran PIA

PULAU BETONG - Kerajaan Negeri yakin Kajian Impak Trafik (TIA) mampu menanganai masalah kesesakan trafik sepanjang kerja-kerja penaiktarafan dan pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) dilaksanakan kelak.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kesesakan trafik yang bakal dihadapi sepanjang projek penaiktarafan dan pembesaran PIA yang dijadualkan bermula Mac 2020 dan (dijangka) siap pada tahun 2024.

Jelasnya, TIA merupakan syarat penting sebelum permohonan kebenaran merancang diluluskan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pada 3 Disember lalu.

“Pastinya, pihak MBPP perlu berpuas hati dengan TIA terlebih dahulu sebelum meluluskan permohonan kebenaran merancang lapangan terbang ini.

“Justeru, bagi melancarkan aliran trafik dan mengelakkkan kesesakan, syarat-syarat yang terkandung perlulah diikuti semasa kerja-kerja pelaksanaan projek.

“Kalau ikut syarat-syarat yang disyorkan ini, saya percaya masalah trafik dapat diatasi,” ujar beliau ketika diaju pihak media selepas merasmikan Majlis Penyampaian Bantuan Pendaftaran Pelajar Ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) peringkat Daerah Barat Daya di Politeknik Balik Pulau dekat sini 14 Disember lalu.

Turut serta, Exco Perdagangan Antarabangsa dan Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan

Pembangunan Keusahawanan, Dato’ Abdul Halim Hussain, Azrul Mahathir Aziz (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Bayan Lepas) dan Mohd. Hafiz Aswad Nadzri (Pegawai Daerah Barat Daya, DBD).

Sehari sebelum itu, pada sidang media pengumuman pembesaran PIA, Ahs Architects Sdn. Bhd. selaku perunding utama projek memaklumkan bahawa pembesaran PIA bakal melibatkan penambahan dua kali ganda keluasan terminal berbanding 54,000 meter persegi kini.

Pembesaran tersebut sekaligus dijangka mampu menampung sehingga 28 pesawat komersial pada satu-satu masa berbanding hanya 15 pesawat waktu ini.

Mengulas lanjut mengenai syarat-syarat yang disyorkan, Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah dan Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi menjelaskan bahawa bulatan (*roundabout*) berhadapan PIA tidak lagi mampu menerima pertambahan isipadu trafik.

“Mengikut TIA ini, aliran trafik akan ditukar menggunakan pusingan beringkat berhampiran bangunan *The Star* di Sungai Tiram dan juga pusingan di pekan Bayan Lepas.

“Sebagai kaedah menyuraikan trafik, kenderaan dari arah Bukit Gedung atau Kampung Bukit Ayun tidak boleh terus (bulatan) perjalanan tetapi perlu belok ke kiri dan menggunakan pusingan beringkat di Sungai Tiram, manakala kenderaan yang keluar dari PIA tidak lagi boleh menggunakan bulatan sebaliknya membelok ke kiri dan membuat pusingan di pekan Bayan Lepas,” jelasnya.

‘Pulau keempat’ asalnya dicadang bagi pembinaan lapangan terbang Pulau Pinang – Exco

GEORGE TOWN – ‘Pulau keempat’ yang terdapat di dalam peta indikatif Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2030 adalah pada asalnya dicadangkan untuk pembinaan lapangan terbang Pulau Pinang.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, ia dimasukkan pada perbincangan akhir RSNPP 2030 sebelum cadangan pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) dan projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) dikemukakan.

“Untuk makluman, dua kawasan di dalam peta indikatif iaitu di bahagian utara yang menempatkan Jambatan Pertama Pulau Pinang sebenarnya telah ada dalam RSNPP 2007 dan kita putuskan untukkekalkannya.

“Keduanya adalah di bahagian selatan iaitu Jambatan Kedua Pulau Pinang yang mana terdapat cadangan untuk menambah satu pulau khusus bagi pembinaan PIA dan perkara ini dimasukkan pada akhir perbincangan RSNPP 2030.

“Walau bagaimanapun, kebetulan pada masa itu juga ada cadangan daripada pihak ketiga termasuk Kerajaan Persekutuan untuk membina lapangan terbang yang besar bagi menampung penumpang di seluruh wilayah utara (KXP), dan pada masa sama cadangan

untuk pembesaran PIA juga turut diumumkan.

“Jadi, ini sebabnya mengapa ‘pulau keempat’ dimasukkan di dalam peta indikatif RSNPP 2030,” jelasnya pada sidang media dekat Pejabat Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri dekat sini 13 Disember lalu.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab persoalan berkaitan desas-desus wujudnya pulau keempat berhampiran Projek Tambakan Laut di Perairan Selatan Pulau Pulau Pinang (PSR) yang dirujuk berdasarkan peta indikatif RSNPP 2030.

Sehari sebelum itu, Jagdeep turut menegaskan bahawa Kerajaan Negeri tidak berhasrat membangunkan ‘pulau keempat’ berhampiran PSR.

“Tiada rancangan untuk menambak atau menjadikan pulau keempat berhampiran PSR, ia masih sepertimana yang terdapat dalam Pelan Struktur Pulau Pinang 2030.

“Ketika ini, Kerajaan Negeri hanya membangunkan empat projek penambakan iaitu PSR, Seri Tanjung Pinang Fasa 2 (STP2), penambakan berhampiran Gurney Drive iaitu projek Gurney Wharf dan projek penambakan di kawasan Butterworth oleh Rayson Consortium (Butterworth) Sdn. Bhd.,” katanya dipetik.

Kemuncak PBIM 2019!



DUA pemenang cabutan bertuah utama di samping hadiah yang dimenangi.

Oleh : WATAWA NATAF ZULKIFLI
Gambar : ADLEENA RAHAYU & NUR AFIQAH ZAINUDI

PANTAI JEREJAK – Pengajuran acara tahunan, Penang Bridge International Marathon (PBIM) 2019 yang berlangsung pada 24 November lalu berjaya menarik lebih 25,000 peserta dari 65 negara.

Kemuncak acara bagi Kategori Maraton Penuh sejauh 42 kilometer (km) yang disertai lebih 5,000 peserta ‘dilepaskan’ Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow kira-kira jam 1:30 pagi.

Acara kemudiannya diteruskan dengan dua kategori lain iaitu Separuh Maraton sejauh 21 km dan larian (10km).

Hadir sama, Exco Pelancongan, Seni, Budaya



KETUA Menteri sambil ditemani Yeoh Soon Hin (barisan depan, tiga dari kanan) dan Bernard Kipchirchir Lagat (barisan depan, kiri sekali) memberikan pose istimewa sebelum acara pelepasan para peserta Kategori Maraton Penuh PBIM 2019 di sini baru-baru ini.

NIK Fakaruddin Ismail (kanan) dan Nur Amelia Musa yang menjuarai Kategori Maraton Penuh Malaysia Terbaik bagi lelaki serta wanita.

dan Warisan merangkap Pengurus Pengajuran PBIM 2019, Yeoh Soon Hin.

Pengajuran tahun ini diserikan lagi dengan kehadiran Duta PBIM 2019, Bernard Kipchirchir

Lagat yang merupakan pemenang temasya sukan Olimpik bagi acara larian sebanyak lima kali.

Pasangan suami isteri, Nik Fakaruddin Ismail, 34, dan Nur Amelia Musa, 33, muncul juara bagi Kategori Maraton Penuh Malaysia Terbaik, manakala Kenyans Moses Kiptoo Kurgat dan Peninah Kigen merupakan juara bagi Kategori Terbuka Lelaki serta Wanita.

Kebajikan golongan kurang berasib baik terus diberi tumpuan

SUNGAI PUYU – Seramai 1,921 golongan kurang berasib baik dari Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Sungai Puyu, Bagan Jermal dan Bagan Dalam menerima sumbangan daripada Kerajaan Negeri.

Ahli Parlimen Bagan yang juga Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berkata, program tahunan yang dimulakan sejak 10 tahun lalu itu bertujuan meringankan beban warga emas, ibu tunggal serta ibu emas di negeri ini.

“Setiap warga emas (554 penerima) dari kawasan Sungai Puyu, Bagan Jermal dan Bagan Dalam menerima RM130, manakala ibu tunggal (314 penerima) menerima RM100 setiap seorang.

“Bagi golongan ibu emas yang tidak bekerja dan berumur di bawah 60 tahun pula menerima RM100 setiap seorang melibatkan 1,053 penerima.



LIM Guan Eng (berkemeja putih) bersama-sama Phee Boon Poh menyampaikan bantuan kepada salah seorang penerima bersempena lawatan bayaran terakhir Program Warga Emas, Ibu Tunggal dan Ibu Emas di sini baru-baru ini.

“Oleh itu, kita (Kerajaan Negeri) berharap agar bantuan ini dapat meringankan beban kewangan mereka yang kurang berasib baik,” katanya selepas menyampaikan sumbangan tersebut kepada penerima yang layak di sini 24 November lalu.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu merangkap Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh.

Dalam pada itu, Guan Eng yang juga ADUN Air Putih memberitahu bahawa Kerajaan Persekutuan akan berusaha sebaik mungkin untuk memperbaikkan program kebajikan selain meningkatkan bantuan sedia ada bagi manfaat rakyat di negara ini.

Pada masa sama, beliau berharap

agar rakyat dapat memberi lebih banyak masa kepada kerajaan Pakatan Harapan (PH) untuk memenuhi janji-janji dalam manifesto pada Pilihanraya Umum Ke-14.

“Jika kita lihat Pulau Pinang hari ini, kejayaan yang dicapai adalah kerana usaha berterusan selama 10 tahun dalam menjaga kesejahteraan rakyat dan membangunkan ekonomi.

“Jadi, ia mengambil masa untuk melaksanakan semua ini. Oleh itu, saya harap rakyat dapat memahami serta memberi kita (Kerajaan Persekutuan) lebih banyak masa untuk menuaikan janji-janji kita,” serunya.

INFOGRAFIK MAMMO PENANG

1 APA ITU MAMMO PENANG?

Program seringkali mammogram percuma untuk wanita Pulau Pinang yang berumur 35 tahun dan ke atas.

2 BILA BERMULA?

Bermula 2019 - 2022

3 SIAPAKAH YANG LAYAK?

Wanita yang berumur 35 tahun dan ke atas & bermukim di Pulau Pinang atau sekitarnya pengundi di negeri ini.

4 MENGAPA SAYA PERLUKAN MAMMOGRAM?

Mammogram dapat menganjurkan kanker payudara pada peringkat awal dan kembalinya dapat ditangani pada payudara dan mengurangkan risiko kematian disebabkan kanker payudara.

5 BAGAIMANA SAYA MAHU MENYERTAI PROGRAMINI?

Daftar di klinik Nur Sejahtera LPPKN & di Pusat Khidmat KADUN

6 JIKA LAYAK?

Penerima yang layak akan menjalani pemeriksaan payudara klinikal oleh ahli medis.

7 PERSEDIAAN SEBELUM MENJALANI MAMMOGRAM

- Lakukan pemerkasaan payudara dengan menggunakan deodoran, bedak, minyak wangi, krim, bohagian badan di kaki berdaun kerana ia akan menjadikan keputusan mammogram tidak akur.
- Tidak menyusu dan mengandung.
- Pakai pokalan yang sesuai kerana pokalan atas perlu dilanjutkan semasa pemeriksaan.

8 BAGAIMANA SEKIRATAN KEPUTUSAN MAMMOGRAM SAMA ABNORMAL?

Anda akan dirujuk kepada hospital atau pusat perubatan untuk penyiasatan lanjut. Keputusan mammogram abnormal tidak semestinya anda mempunyai kanker. Pakar akan melakukan pernyataan lanjut dan memberi nasihat dan rawatan yang bersesuaian.

Pantau, terus usaha ke arah Bukit Mertajam bebas banjir

Gambar : MP

PADANG LALANG - Sepanjang 2019, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri telah membelanjakan kira-kira RM18.18 juta untuk mengurangkan risiko banjir di kawasan Parlimen Bukit Mertajam.

Serentak itu, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Pejabat Ahli Parlimen Bukit Mertajam masing-masing memperuntukkan RM1.04 juta dan RM700,000.

Bercakap kepada pemberita, Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Steven Sim Chee Keong yang juga Ahli Parlimen (MP) Bukit Mertajam memberitahu bahawa keseluruhan peruntukan untuk mengurangkan risiko banjir adalah hampir RM20 juta.

"Dalam tempoh lima tahun ini, saya dan rakan-rakan wakil rakyat sentiasa mengambil berat isu banjir kilat di Bukit Mertajam.

"Pelbagai projek dan jutaan ringgit telah disalurkan untuk menangani masalah banjir.

"Namun, kami akan terus memantau keadaan serta berusaha memastikan kampung halaman kita bebas banjir," jelasnya selepas meninjau satu kawasan parit yang baru dibersihkan di sini pada 23 November lalu, sebagai persiapan menghadapi kemungkinan banjir pada hujung tahun ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Berapit, Heng Lee Lee; Ahli Majlis MBSP, Bernard Cheen Goon Hooi; wakil kepada ADUN Padang Lalang turut serta lawatan tapak di sini.

Tambah Chee Keong, ada empat lagi projek berjumlah RM14.5 juta telah diluluskan serta dijangka akan mula dilaksanakan pada awal tahun 2020, demi mengurangkan lagi risiko banjir di beberapa kawasan tumpuan utama sekitar Parlimen Bukit Mertajam.



STEVEN Sim Chee Keong (tengah) diiringi Heng Lee Lee (tiga dari kanan) serta beberapa pegawai lain berkaitan pada sidang media selepas meninjau kerja-kerja pembersihan longkang utama di sini baru-baru ini.

MP nekad tambah baik infrastruktur sekolah sekitar Bayan Baru

BATU UBAN - Sejumlah RM400,000 disalurkan kepada Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sungai Nibong bagi pembinaan sebuah dewan baharu di sini.

Jumlah tersebut merupakan sebahagian daripada Peruntukan Mesra Rakyat (PMR) membabitkan Ahli Parlimen (MP) Bayan Baru, Sim Tze Tzin sebagai inisiatif menambah baik sektor berkaitan pendidikan bagi sekitar kawasan Bayan Baru.

"Selain pembinaan dewan di SMK Sungai Nibong, projek-projek naik taraf infrastruktur membabitkan sekolah-sekolah lain adalah merangkumi pembaikan tandas, pagar dan sebagainya dengan membabitkan jumlah bernilai RM225,963.

"Saya percaya bahawa suasana persekitaran sekolah yang kondusif membolehkan pelajar menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap pelajaran.

"Bagi SMK Sungai Nibong, saya amat terkesan berhubung lawatan tahun lepas yang mana saya melihat sendiri pelajar-pelajar sesi petang terpaksa menunggu dalam keadaan panas sementara menunggu peralihan sehingga pelajar sesi pagi selesa berderad.

"Dari situ, saya mengambil keputusan untuk membina sebuah dewan baharu di sini," ujarnya semasa membuat lawatan tapak di sekolah berkenaan pada 23 November lalu.

Mengulas lanjut, Tze Tzin yang juga Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani memberitahu

bahawa pihaknya turut menaja 450 pelajar di Kawasan Bayan Baru bagi mengikuti Program Kembara Sains Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM42,820, manakala *Smart Classroom STEM* (RM78,100).

Serentak itu, Parlimen Bayan Baru juga telah membelanjakan sebanyak RM189,932 untuk membekalkan kemudahan ICT ke sekolah-sekolah serta Perpustakaan Awam Bayan Baru.

"Selain itu, PMR turut dibelanjakan untuk membeli sistem siar raya, kerusi plastik, meja, kipas, pendingin hawa kepada sekolah-sekolah sekitar Bayan Baru," jelasnya.

Pada lawatan tersebut, Tze Tzin turut menyampaikan peruntukan RM67,330 kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Kwang Hwa.



SIM Tze Tzin (lima dari kiri) berjabat tangan sambil menyampaikan replika cek kepada pihak berkaitan sebagai simbolik sumbangan peruntukan pembinaan dewan di SMK Sungai Nibong di sini baru-baru ini.

PERLUKAN MODAL TAMBAHAN?
INGIN KEMBANGKAN PERNIAGAAN?

DAPATKAN PINJAMAN PERNIAGAAN SEGERA!!!
TANPA CAGARAN DAN PENJAMIN

MUDAH DAN TIDAK MEMBEANKAN

TERBUKA KEPADA SEMUA KAUM

SKIM PINJAMAN HARAPAN NEGERI PULAU PINANG

SYARAT KELAYAKAN

- Warganegara Malaysia berumur 18 hingga 60 tahun
- Pengundi di Pulau Pinang
- Berniaga dan menetap di Pulau Pinang
- Mempunyai tempat perniagaan
- Menjalankan perniagaan melebihi 6 bulan
- Mempunyai lesen perniagaan/Sijil Pendaftran Syarikat (SSM)
- Nama tidak disenarai hitam (CTOS)

HUBUNGI SEGERA:
BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN, PDC
Tel. 04-6340111 samb. 141/125/182/354/159/366

PINJAMAN
PERNIAGAAN DARI
RM 1 000.00
HINGGA
RM 25 000.00

**tertakluk kepada terma
dan syarat kelayakan yang
ditetapkan



UTC Komtar dijangka beroperasi pertengahan tahun depan

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB
Gambar: LAW SUUN TING

GEORGE TOWN - Pusat Transformasi Bandar (UTC) yang dijadual mula beroperasi pada pertengahan tahun hadapan di tingkat dua Komtar dijangka kembali membawa limpahan pengunjung ke pusat komersial tersebut kelak.

Mengulas lanjut, Timbalan Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Aziz Bakar berkata, sebanyak 13 agensi kerajaan iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Jabatan Imigresen Malaysia (Imigresen), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat, Jabatan Penerangan Malaysia, JOBS Malaysia dan Malaysia Securities Exchange Bhd. (MSEB) akan beroperasi mulai 10 pagi hingga 10 malam tiap-tiap hari

kecuali cuti umum, kelak.

"Dengan tersebarnya mengenai cadangan mewujudkan UTC pertama negeri di Komtar ini, unit-unit (lot komersial) yang kosong telah mula mendapat perhatian.

"Kita harap pembukaan UTC ini kelak memberi impak yang baik... kita harap UTC dan Komtar Walk ini saling melengkap, dapat menghidupkan kembali semua aktiviti perniagaan di mercu tanda negeri Pulau Pinang ini," jelasnya pada sidang media bersama-sama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng di sini 27 November 2019.

Turut serta, Ketua Pegawai Eksekutif PDC Setia Urus, Datuk Ir. Ang Choo Hong, iaitu syarikat subsidiari berkaitan kerajaan yang menguruskan hal sejaan lot komersial di Komtar kepada pihak Kerajaan Persekutuan bagi projek UTC berkenaan.

Menjawab soalan pemberita selepas itu, Lai Heng menyatakan bahawa urusan pemilihan Komtar sebagai tapak operasi UTC Pulau Pinang sebenarnya dimuktamad oleh Kementerian Kewangan.

"PDC, saya dan Kerajaan Negeri



(Dari kiri), IR. Ang Choo Hong, Aziz Bakar dan Teh Lai Heng menunjukkan pelan projek pada sidang media pengumuman pengoperasian UTC Komtar di sini baru-baru ini.

berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan UTC di Komtar ini, ianya bukan senang.

"Jadi, kita mendapat persaingan yang hebat juga semasa Kementerian Kewangan (membuat saringan untuk) pilih lokasi," ujarnya yang juga Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri.

Jika sambutan pengunjung di UTC Komtar ini begitu baik pada masa hadapan, beliau berharap lebih banyak projek Persekutuan

sebegini dapat dibuka di tempat-tempat lain dekat negeri ini.

Difahamkan, UTC bakal menyewa empat lot komersial daripada PDC Setia Urus dengan luas lantai keseluruhan kira-kira 41,924 kaki persegi.

Dalam perkembangan berkaitan, Aziz turut memberitahu bahawa Mahkamah Rayuan telah memberi keputusan memihak kepada PDC berhubung milikan kosong tapak Komtar Walk kepada PDC.

Jemaah umrah PDA terbang ke Baitullah, tunai ibadah umrah

DATUK KERAMAT - "Istimewa Umrah Bersama Warga Pekak Unit Islam ini dirancang, semua 31 peserta kumpul duit sendiri, sampai kami tak terlintas untuk meminta sumbangan atau tajaan daripada mana-mana pihak."

"Di sini, kami nak jelaskan betapa beratnya kami mengumpulkan wang, sebenarnya dalam tempoh lebih satu setengah tahun, ada yang menolak gaji dan mengumpul duit sedikit demi sedikit daripada pelbagai sumber pendapatan, sehingga cukup untuk mengerjakan umrah," jelas Presiden Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang (PDA), Razman Tan Abdullah menerusi jurubahasa isyarat, Asma Nurul Ain Salim dalam majlis ringkas di Masjid Negeri Pulau Pinang di sini pada 25 November 2019.

Razman memberitahu bahawa golongan kurang pendengaran (pekkak) yang mengerjakan umrah sebenarnya kelihatan hampir seperti orang normal lain, tapi sebenarnya memang memerlukan jurubahasa isyarat untuk memandu perjalanan serta kaedah melaftazkan bacaan dan niat sepanjang mengerjakan ibadah umrah.

"Rombongan orang pekkak mengerjakan umrah tersebut, sebagaimana dilaksanakan oleh Unit Islam PDA ini mungkin kali pertama dianjurkan oleh persatuan, tapi PDA di negeri-negeri lain telah beberapa kali menganjurkan program seumpama berkaitan dengan diiringi oleh jurubahasa isyarat.

"Pada kesempatan ini, saya juga ingin memohon maaf kerana tidak dapat turut serta rombongan mengerjakan umrah pada kali ini, tetapi saya tetap berdoa agar jemaah diterima dengan rahmat Tuhan," ulasnya.

Razman Tan turut merakamkan penghargaan kepada Juara Travel & Tours Sdn. Bhd. kerana mengatur urusan penerbangan 31 ahli jemaah umrah daripada Unit Islam PDA, termasuk menaja perjalanan Timbalan Presiden PDA ke tanah suci Makkah.

"Ketua rombongan umrah istimewa kita adalah Sideek Shahul Hamid, 28 daripada 31 ahli jemaah ini adalah orang Pulau Pinang, sementara tiga lain adalah orang Terengganu.... Alhamdulillah.

"Umrah pada kali ini adalah selama 12 hari termasuk hari penerbangan pergi dan pulang, selepas selesai majlis ini, kita akan menaiki bas dan terbang dari KLIA (Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur)," katanya.

Turut berucap, Ustaz Razak yang berharap agar jemaah istimewa ini dapat mengerjakan ibadah umrah dengan selamat.

"Bagi mereka yang telah dipilih menjadi tetamu Allah mengerjakan ibadah umrah pada kali ini, boleh memasang impian dan kumpul duit secukupnya untuk mengerjakan ibadah Haji pula," serunya.

Beliau turut mengesyorkan agar PDA mendapatkan sumber bantuan kewangan dan tajaan haji daripada yayasan kebajikan umat Islam, seperti Yayasan Al-Bukhary.

"Kini, PDC sedang dalam proses untuk mendapatkan kembali semua milikan kosong di Komtar Walk.

"Malah, PDC juga mempunyai rancangan untuk menyuntik aktiviti-aktiviti baru untuk tapak Komtar Walk," katanya sambil berharap rancangan peremajaan semula lokasi berkaitan bakal melengkapi Taman Arkeologi Sia Boey yang berada tidak jauh dari kawasan komersial Komtar di sini.

Sementara itu, Siti Baizura Amir, 50, iaitu pengurus perniagaan makanan 'Warung 5' di sini menyambut baik inisiatif Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan mewujudkan UTC di sini.

Menurutnya, walaupun beberapa projek rejuvinasi Komtar telah dilaksana pada beberapa tahun lalu, namun, pengunjung khususnya warganegara masih kurang memberangsangkan berbanding golongan buruh asing.

Bagaimanapun, Siti Baizura berharap supaya dengan pembukaan UTC terutama Pejabat Imigresen ia diharap akan menggandakan bilangan pengunjung ke lot-lot komersial yang dibuka di sini.

Pelajari model perniagaan, kepakaran Belanda urus industri air

TANJUNG BUNGA - Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) berhasrat untuk saling bekerjasama dengan institusi KWR dari negara Belanda mengenai kaedah terbaik dalam pengurusan loji rawatan air (LRA).

Ketua Pegawai Eksekutif agensi negeri itu, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata bahawa ilmu kemahiran yang dimiliki oleh tenaga pakar dari Belanda dalam teknologi kitar semula sisa daripada air, kemudian dijadikan produk ekonomi termasuk bahan binaan serta elemen kosmetik adalah sangat diperlukan di dalam industri air negeri ini.

"Masih saya ingat, Belanda telah bergiat secara aktif dalam usaha kitar semula (sumber air) kira-kira 20 tahun lepas.

"Pada masa itu, KWR yang dikenali sebagai KIWA, telah melaksanakan inisiatif sedemikian.

"Oleh itu, kita berharap jurutera air kami (PBAPP dan Persatuan Air Malaysia, MWA), dapat menimba ilmu kepakaran serta mempelajari selok-belok semua proses dalam inisiatif sedemikian dengan kehadiran mereka (pakar industri air dari Belanda) ke persidangan ini.

"Mereka (pakar industri air dari Belanda) telah berada di sini untuk membantu serta saling berkongsi kepakaran mereka dengan kita (PBAPP dan MWA)," jelasnya kepada pemberita selepas menghadiri Persidangan Tahunan Ke-32 Malaysian Water Engineers Action Committee (MyWAC) di sini pada 26 November 2019.

Difahamkan, simposium serta bengkel kerja Malaysia-Belanda dalam pengurusan sisa air rawat mampan di Malaysia itu berlangsung selama tiga hari.

Bagi PBAPP, bengkel kerja berkaitan adalah begitu penting dalam meneroka pelbagai kaedah pakar di peringkat dunia demi menjadikan Pulau Pinang sebagai "Bandar Air Hemat".

Pada persidangan berkenaan, pakar dari Belanda turut berkongsi pengalaman mengenai model perniagaan dalam industri air yang telah berjaya di negara mereka; hasil-hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang mapan dalam pengurusan LRA; ekonomi kitaran dalam sektor air negara melibatkan kedua-dua pihak.

Pun begitu, Jaseni menjelaskan bahawa sisa-sisa yang dibuang ke tapak pelupusan sampah, bukan boleh dikitar

semula dan akhirnya mencetus pelbagai masalah berantai yang lain.

"Justeru, kita (PBAPP) berhasrat untuk memastikan semua sisa ini dikitar semula bagi mewujudkan keadaan persekitaran yang lebih mampan," ujarnya.

Sebelum itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow ketika berucap antara lain merakamkan penghargaan kepada MyWAC kerana memilih Pulau Pinang sebagai tuan rumah penganjuran persidangan penting pada kali ini.

Menurut beliau, kehadiran pakar dari Belanda serta sokongan pelbagai pihak lain, seakan memberi semangat baharu untuk Pulau Pinang terus meningkatkan mutu pengurusan sisa air serta LRA di negeri ini.

"Segala pengetahuan dan kepakaran yang dikongsikan oleh para pemain industri ini akan menyumbang kepada semua peserta persidangan, mengenai kemahiran yang berguna untuk diterapkan dalam lapangan kerja profesional masing-masing kelak.

"Kerajaan Negeri (Pulau Pinang) berminat untuk saling bekerjasama dengan tokoh-tokoh terkemuka dalam 'Digital Water', terutama daripada segi memasukkannya (elemen digital) ke dalam Pelan Induk Transformasi Digital Pulau Pinang di bawah wawasan Penang2030.

"Bengkel kerja ini pasti akan membantu mereka yang hadir di sini untuk menggarap idea serta pengetahuan ke arah yang lebih bagus.

"Ini, disebabkan oleh rekod bahawa Belanda mempunyai model perniagaan yang begitu bagus dan terbukti mampan daripada segi kewangan serta (kelestarian) alam sekitar dan semestinya Kerajaan Negeri sangat menghargai sokongan mereka (Belanda) dalam kepakaran berkaitan industri air," katanya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi.

Tambah Kon Yeow, beliau begitu kagum dengan 80 peratus kadar kitar semula dan sisa kitar semula yang direkodkan di Belanda.

Turut hadir, Penaung MyWAC, Datuk Abdul Karim Mohd. Tahir serta pengerusinya, Ishak Hasnan dan Presiden MWA, Datuk Abdul Kadir Mohd. Din.

Cadangan buka kaunter khas di hospital, bantu pesakit perlu disambut baik

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

GEORGE TOWN – Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pulau Pinang menyambut baik cadangan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), *One Hope Charity & Welfare Berhad (One Hope)* untuk membuka kaunter khas di hospital-hospital kerajaan di negeri ini bagi membantu kumpulan pesakit kurang berkemampuan serta memerlukan.

Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Dr. Asmayani Khalib menyifatkan bahawa cadangan tersebut sebagai wadah untuk menyalurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan.

“Saya amat berbesar hati dengan cadangan tersebut kerana dilihat dapat membantu pesakit terutamanya mereka yang tidak mempunyai insurans.

“(Dan) pihak kami (JKN Pulau Pinang) akan mengadakan perbincangan bersama-sama pihak Kementerian Kesihatan (Malaysia) serta bakal memaklumkan dan melihat bagaimana pelaksanaannya kelak,” katanya kepada pemberita sejurus Majlis Sumbangan Peralatan Perubatan kepada JKN Pulau Pinang oleh *One Hope* di sini 28 November lalu.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang hadir menyaksikan penyerahan berkaitan turut menyatakan pendirian sama.

“Sememangnya ada kumpulan pesakit yang kurang berkemampuan untuk membeli ubat-ubatan atau

peralatan (perubatan) yang diperlukan.

“Justeru, cadangan untuk mewujudkan kaunter khas dekat hospital-hospital dapat membantu kebajikan pesakit yang mana pesakit tidak perlu untuk ‘ketuk pintu’ di sana sini.

“Saya berharap pihak hospital dapat mempertimbangkan cadangan ini bagi membantu pesakit di samping melancarkan urusan pesakit,” ujarnya sambil menzhirkir penghargaan atas inisiatif yang dilakukan oleh badan kebajikan bukan kerajaan tersebut.

Ditanya mengenai respons Kerajaan Negeri terhadap inisiatif *One Hope* itu, Kon Yeow berharap lebih banyak NGO tampil menghulurkan bantuan kepada golongan sasar yang memerlukan.

“Di Pulau Pinang, banyak NGO yang aktif serta prihatin dan ia menjadi kekuatan kepada negeri ini kerana dapat sama-sama menggembangkan tenaga untuk menambah baik serta mengisi ‘kekosongan’ di peringkat komuniti.

“Pada peringkat Kerajaan Negeri, dari pada segi kesihatan, sememangnya kita tidak mempunyai peruntukan secara langsung namun kita mempunyai inisiatif membantu rakyat seperti pemeriksaan mamogram dan AES (Agenda Ekonomi Saksama).

“Oleh itu, saya berharap agar perkara ini (mewujudkan kaunter khas di hospital) dapat diusahakan secara bersama-sama antara NGO dan pihak kerajaan,” responsnya.

Ketika ditemui, Pengurus One

Hope, Chua Sui Hau menyatakan kesediaan untuk membantu pihak hospital memberi peralatan perubatan serta pesakit yang memerlukan bantuan.

“Sejak dua atau tiga tahun kebelakangan ini, kami telah memberi sumbangan peralatan perubatan kepada Hospital Bukit Mertajam, Hospital Balik Pulau dan Hospital Sungai Bakap.

“Malah, *One Hope* juga telah mengeluarkan dana amal hasil sumbangan orang ramai hampir RM7 juta tahun ini bagi tujuan berkaitan.

“Oleh sebab itu, pihak kami mencadangkan untuk membuka kaunter khas ini supaya dapat menghulurkan bantuan kepada sesiapa yang memerlukan pertolongan terutama mereka yang kritikal tetapi tidak mampu membayar kos perubatan,” jelasnya yang mencadangkan Hospital Pulau Pinang dan Hospital Seberang Jaya sebagai perintis bagi pelaksanaan inisiatif berkenaan.

Terdahulu, Sui Hau bersama-sama Penasihat *One Hope*, Datuk Sri R. Arunasalam menyerahkan peralatan perubatan kepada Asmayani yang mewakili JKN Pulau Pinang sambil disaksikan oleh Kon Yeow.

Difahamkan, peralatan seperti kerusi roda, lampu dewan bedah, stetoskop, *intensive phototherapy light*, peti sejuk farmaseutikal, glucometer, alat periksa tekanan darah dan suhu akan diserahkan kepada enam buah hospital kerajaan dan lima buah klinik kesihatan daerah dengan kos keseluruhan berjumlah RM300,000.



KETUA MENTERI sambil ditemani Dr. Asmayani Khalib (bertudung ungu) memerhatikan stetoskop yang dipamerkan pada penganjuran Majlis Sumbangan Peralatan Perubatan kepada JKN Pulau Pinang oleh *One Hope* di sini baru-baru ini.

Jauhkan dari punca pencemaran:

- Kandang halwan
- Tangki najis
- Air limbah / longkang yang bertakung
- Tepi longkang
- Tempat pembuangan sampah

Pastikan bekalan air bersih

Sediakan khemah tempat berbunga untuk memasak

Panduan Tempat Penyediaan Makanan Bersih dan Selamat Semasa Kenduri

Sediakan meja / pangkin untuk meletak bahan mentah.

Pastikan longkang dan saliran air tidak bertakung

Sediakan tong sampah bertutup

BANTUAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN

Ciri-Ciri Tempat Mencuci Peralatan

1. Saliran air bersih dan tidak bertakung

2. Rak / meja tinggi daripada paras lantai untuk mengeringkan peralatan

3. Menyediakan tuala yang bersih untuk mengeringkan peralatan

4. Menyediakan tong sampah bagi membuat sisira makanan

5. Menyediakan bahan pencuci pinggan manguk

6. Menyediakan peralatan yang bersih

- Elakkan penggunaan papan pemotong kayu.
- Elakkan menggunakan gelas yang retak atau sumbing.
- Elakkan penggunaan peralatan yang berkarat.

Kempen demi tingkat kesedaran penting jaga sumber air

TANJUNG BUNGA – Pertubuhan bukan kerajaan (NGO), *Penang River Awareness* dengan kerjasama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menganjurkan program kesedaran ‘Jom Kenali Sungai Kelian’ di sini.

Ahli Majlis bagi MBPP, Dr. Chee Leng Heng berkata, kempen tersebut menumpukan perhatian kepada Sungai Kelian yang menjadi salah satu sumber air utama negeri ini sejak 1920-an.

Justeru, menurut beliau, penganjuran program berkenaan dapat menggalakkan komuniti setempat mempelajari mengenai sungai sekaligus meningkatkan kesedaran mereka terhadap kepentingan menjaga sumber air tersebut.

“Program bagi meningkatkan kesedaran tentang sungai pernah dianjurkan di bawah projek yang sama pada 2018 dengan sokongan serta penglibatan komuniti Sungai Ara.

“Selepas mendapat sambutan menggalakkan, pihak penganjur menjalankan kajian terhadap sistem Sungai Kelian dan sistem Sungai Kechil-Sungai Siru pada awal tahun ini untuk mengumpul maklumat serta data yang boleh dikongsi dengan orang ramai.

“Hasilnya, kami (penganjur) menemui flora yang terdapat di sepanjang tebing sungai selain membuat kajian terhadap sampel-sampel air sungai dan membandingkan lokasi sebenar sungai dengan peta.

“Semua pihak berkaitan berasa begitu bangga dan gembira untuk berkongsi hasil kajian tersebut dengan orang awam menerusi kempen ini supaya masyarakat



IR. JASENI MAIDINSA (empat dari kanan) bersama-sama Chee Leng Heng (dua dari kanan) dan wakil-wakil berkaitan menyempurnakan gimik penganjuran program ‘Jom Kenali Sungai Kelian’ di sini baru-baru ini.

lebih faham dan cintakan sungai,” ucapnya pada penganjuran program berkaitan pada 17 November lalu.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Dato’ Ir. Jaseni Maidinsa.

Difahamkan, pelbagai aktiviti interaktif turut diadakan termasuk lukisan kreatif untuk kanak-kanak, tayangan dokumentari, pameran, gotong-royong membersihkan pantai, permainan tradisional, berjalan ke hulu sungai, penanaman pokok dan lain-lain.

PENYEDIAAN MAKANAN BERSIH DAN SELAMAT SEMASA KENDURI •

Ciri-Ciri Tempat Mencuci Peralatan

1. Saliran air bersih dan tidak bertakung

2. Rak / meja tinggi daripada paras lantai untuk mengeringkan peralatan

3. Menyediakan tuala yang bersih untuk mengeringkan peralatan

4. Menyediakan tong sampah bagi membuat sisira makanan

5. Menyediakan bahan pencuci pinggan manguk

6. Menyediakan peralatan yang bersih

- Elakkan penggunaan papan pemotong kayu.
- Elakkan menggunakan gelas yang retak atau sumbing.
- Elakkan penggunaan peralatan yang berkarat.

BANTUAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN

Tampil berani, tingkat kesedaran kesaksamaan gender

KEMAMPUAN seseorang wanita bukan hanya diukur dengan keupayaan dan faktor luaran sahaja, tetapi turut merangkumi kebijaksanaan serta cara mereka membawa serta memanfaatkan individu lain untuk menjadi figura yang dikagumi.

Tidak ramai wanita seperti ini yang penuh dengan inspirasi serta terbuka untuk menyokong dan mengangkat martabat sesama golongan sama. Malah, adalah menjadi inspirasi beliau untuk melihat semua golongan hawa untuk tampil berani menjadi diri sendiri dan mencungkil bakat terselar yang tersendiri.

Keseimbangan di antara tanggungjawab sebagai suri keluarga dan kerjaya dengan memegang jawatan Pengurus Penasihat Pemeriksaan Wanita dan Kepimpinan merangkap Pengurus Projek Dasar Keterangkuman Gender Pulau Pinang (DKG) di Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) menjadikan **DATO' ROHANA ABDUL GHANI** bijak mengendalikan kehidupan yang kian mencabar.

Menurut Rohana, sebenarnya, setiap wanita mempunyai keperluan berbeza dan individu itu sendiri yang tahu bagaimana untuk meletakkan keutamaan dalam kehidupan masing-masing bagi mencapai keseimbangan serta tentukan sama ada ingin mempunyai kerjaya jangka panjang atau sebaliknya.

“Saya utamakan keseimbangan kehidupan dan kerjaya sebelum kelahiran cahaya mata pertama. Tetapi apabila umur anak saya berganjak besar, saya mula memfokuskan kepada kerjaya... tetapi ini tidak bermakna saya mengabaikan tanggungjawab terhadap keluarga, kerana sebagai seorang yang berkerjaya, kita perlu bijak membahagikan masa untuk menumpukan kepada dua aspek kehidupan iaitu kerjaya serta peribadi.

“Seperti kebanyakan wanita yang mula berkeluarga, saya turut menghadapi dilema untuk terus bekerja atau berhenti... pertama sekali jika seseorang wanita memilih untuk berkerjaya dan dalam masa sama mempunyai tanggungjawab menguruskan keluarga, beliau harus tentukan profesi kerjaya yang ingin diceburinya... jangan sesekali berhenti untuk menambah pengetahuan serta libatkan diri dalam pembuat keputusan.

“Sebagai seorang wanita, kita perlu membuat penilaian terhadap kesediaan diri, mengenal pasti jurang kecekapan dan tidak gusar untuk mendapatkan kemahiran tambahan.

“Secara tidak langsung, pengetahuan serta sifat untuk menutup jurang ini akan membuatkan diri kita lebih bersedia menggalas tanggungjawab di dalam kerjaya tertentu,” ujarnya yang dilahirkan Selangor pada sesi temubual eksklusif oleh wartawan Buletin Mutiara, NORSHAHIDA YUSOFF dan juru gambar, ALISSALA THIAN baru-baru ini.

Ibu kepada seorang cahaya mata berkenaan mula mendapat pendidikan peringkat rendah di Sekolah Kebangsaan Assunta, Petaling Jaya. Tamat Tingkatan Enam di Victoria Institution, beliau kemudiannya menyambung pengajian Ijazah Komunikasi di ITM (major Kewartawanan) dan seterusnya mendapat tajaan pendidikan daripada Perbadanan Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana di Universiti Boston, Amerika Syarikat dalam pengkhususan Sains Kewartawanan.

Rohana juga pernah berkhidmat dan menabur bakti sebagai Pensyarah Kewartawanan Asia di Institut Teknologi Mara, ITM (kini dikenali sebagai Universiti Teknologi Mara, UITM) dan beberapa sektor perkilangan seperti Hewlett Packard Malaysia dan Agilent Technologies Asia Pacific (Agilent).

Daripada sektor perkilangan, beliau kemudiannya



ROHANA Abdul Ghani.

menyertai PSDC sebagai Lembaga Gabenor Sekolah Antarabangsa St. Christopher International Primary School.

Kesamarataan gender dan GRPB

Ketika ditanya apakah faktor lonjakan yang membuatkan beliau begitu berkobar-kobar dalam memperjuangkan kesamarataan gender dan *Gender Responsive and Budgeting Participatory* (GRPB), Rohana menyatakan bahawa beliau tertarik dengan agenda PWDC untuk mewujudkan persekitaran inklusif yang mana tiada perempuan mahupun lelaki akan tertinggal di dalam arus pembangunan sosial, ekonomi serta politik.

“Lain kelompok tetapi pelbagai keperluan, itu adalah prinsip kesaksamaan yang dapat menjamin setiap perempuan dan lelaki tanpa mengira peringkat umur serta keupayaan akan diambil kira dalam belanjawan pembangunan negara, penyertaan ekonomi serta peringkat pembuat keputusan.

“Inilah yang mendorong saya untuk menyertai PWDC, metodologi PWDC membawa suara kolektif yang mampu mencipta perubahan, khasnya penglibatan dalam kumpulan tumpu bincang yang memberi peluang kepada wanita untuk berkongsi, belajar dan membangun bersama-sama,” jelasnya.

Tambah Rohana, apa yang beliau mahukan adalah untuk terus mempelajari sesuatu dan menyumbang kepada pembangunan sumber manusia, kerana sumber manusia berkait rapat dengan pembangunan komuniti.

“Pengalaman sebagai Naib Presiden Sumber Manusia di Agilent selama 15 tahun telah membawa saya ke PWDC dan bersua dengan YB Chong Eng.

“Beliau (Chong Eng) merupakan seorang wanita yang sudah lama memperjuangkan kesamarataan gender dan menjadi faktor penarik kepada saya untuk beralih daripada sektor swasta kepada kerajaan.

“Seperti pucuk dicita ulam mendatang, kemudiannya saya telah dipertanggungjawab melaksanakan Pelan Strategik PWDC untuk tahun 2015 dan seterusnya

menjadi Lembaga Pengarah PWDC.

“Dengan latar belakang bidang pengurusan sumber manusia dan pengalaman dalam pembangunan organisasi, saya telah menerajui projek untuk meletakkan PWDC ke peringkat seterusnya dalam tempoh lima tahun.

“Dan, sebagai Pengurus untuk memperkasakan agenda dan kepimpinan wanita (WEL), peranan lebih besar adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang kesaksamaan jantina serta peningkatan perwakilan wanita di peringkat pembuat keputusan.

“Bersama-sama pasukan WEL, kami bangunkan kandungan pengajaran dan menyampaikan program-program pemberdayaan serta kepimpinan yang mensasarkan pemimpin wanita,” katanya sambil memberitahu bahawa beliau mengagumi wanita yang bersifat terbuka serta berani mengambil peranan untuk meningkatkan diri.

Menurut Rohana, pembabitannya dalam kerjaya sebelum ini telah mendedahkan kepada belanjawan 11 negara, tetapi belanjawan melalui lensa jantina merupakan ‘pembelajaran’ baharu buat dirinya.

“Penglibatan utama saya dalam PWDC adalah GRPB dan ia diperluaskan kepada Dasar Keterangkuman Gender pada Mac 2019.

“Ia adalah sesuatu yang baharu kepada saya dan advokasi utama dalam penggunaan GRPB merupakan Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs).

“Di sini (Pulau Pinang), istimewanya kerana banyak pihak yang berpandangan jauh demi memastikan perkhidmatan dan produk mampu pergi lebih jauh dengan memenuhi keperluan yang berbeza-beza namun adalah bersifat adil.

“Di PWDC, Model GRPB Pulau Pinang adalah berdasarkan daripada Model Belanjawan Bertanggungjawab Antarabangsa (GRB), model (Pulau Pinang) yang memberikan penekanan serta kepentingan turut dikongsi oleh ahli-ahli PWDC di persidangan kebangsaan, serantau dan antarabangsa seperti Persidangan Kerajaan Tempatan (2018), Forum Bandar Raya Malaysia serta Asia Pacific Urban Forum serta di salah satu Seminar IPOD di Barcelona.

Pupuk jati diri

Mengulas lanjut mengenai kesamarataan gender dan pemahaman serta penerimaan masyarakat sekeliling mengenainya, Rohana memberitahu bahawa persekitaran komunikasi, hubungan dan didikan memainkan peranan pada peringkat awal dalam memupuk pembangunan diri seseorang individu.

Mengambil contoh dirinya, Rohana berkata bahawa dibesarkan sebagai anak sulung dalam kalangan enam adik-beradik yang terdiri daripada dua lelaki dan empat perempuan banyak mematangkan dirinya.

“Persekitaran kami sejak kecil sememangnya seperti memupuk keterangkuman gender, saya dibesarkan dalam keluarga yang mana lelaki dan perempuan dilayan sama rata.

“Kami tidak pernah merasakan bahawa satu jantina mempunyai kuasa atas yang lain atau lebih berharga daripada yang lain.

“Persekitaran dan pendidikan zaman kanak-kanak adalah amalan untuk membentuk sahsiah kita ketika dewasa kelak, dan pendidikan awal di (sekolah) Asunta banyak membentuk kepercayaan dan jati diri saya sendiri.

“Di samping didikan oleh ibu, tidak dinafikan nenek dan moyang juga banyak memberi galakan kepada saya untuk tampil ke hadapan dalam membuat keputusan, berani mengatasi cabaran dan rintangan. Manakala, ayah sentiasa berpesan bahawa pelajaran adalah faktor paling penting untuk mencapai matlamat,” jelasnya.


Nama ADUN	No Tel/ No Faks
N.26 PADANG KOTA YAB Chow Kon Yeow chowkonyeow@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218
N.03 PINANG TUNGGAL YB Dato' Ir. Zakiyuddin Abdul Rahman	(T) 04 - 575 6526 (F) 04 - 575 6526
N.16 PERAI YB Prof. Dr. P. Ramasamy ramasamy@penang.gov.my	(T) 04 - 383 9131 (F) 04 - 383 9131
N.07 SUNGAI PUYU YB Phee Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my pheeboonpoh@yahoo.com	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
N.10 SEBERANG JAYA YB Dr. Afif Bahardin	(T) 04 - 390 5109 (F) 04 - 390 5109
N.15 PADANG LALANG YB Chong Eng chong.eng@penang.gov.my	(T) 04 - 530 3028 (F) 04 - 530 3028
N.29 DATO' KERAMAT YB Jagadeep Singh Deo jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
N.37 BATU MAUNG YB Dato' Hajji Abdul Halim Hussain pusatkhdmatn37@gmail.com	(T) 04 - 626 1442 (F) 04 - 626 1442
N.08 BAGAN JERMAL YB Soon Lip Chee	(T) 04 - 331 0163
N.22 TANJONG BUNGA YB Zairil Khir Johari	(T) 04 - 890 3866
N.34 PAYA TERUBONG YB Yeoh Soon Hin	(T) 04 - 827 8868 (F) 04 - 827 8868
N.28 KOMTAR YB Teh Lai Heng komtarN28@gmail.com	(T) 04 - 227 7068 (F) 04 - 227 7068
N.02 BERTAM YB Khalid Mehtab Mohd. Ishaq	(T) 013 - 430 6400 (P) 04 - 576 7606
N.06 TELOK AYER TAWAR YB Mustafa Kamal mustafakamal.mkba@gmail.com	(T) 04 - 351 1732
N.09 BAGAN DALAM YB Satees A/L Muniandy n9.bagandalam@gmail.com	(T) 04 - 313 3990
N.11 PERMATANG PASIR YB Muhammad Faiz Bin Fadzil faizfadzilamanah@gmail.com	(T) 04 - 521 1106
N.12 PENANTI YB Dr. Norlela Ariffin norlela.griffin@gmail.com	(T) 04 - 538 2871 (F) 04 - 538 4871
N.13 BERAPIT YB Heng Lee Lee berapit@dappg.org	(T) 017 - 813 3509 (F) 04 - 540 0006
N.14 MACHANG BUBOK YB Lee Khai Loon klee78@gmail.com	(T) 013 - 399 0519 (F) 04 - 551 1442
N.17 BUKIT TENGAH YB Gooi Hsiao-Leung gooihhsiaoleung@penang.gov.my	(T) 04 - 507 5001 (F) 04 - 507 5001
N.18 BUKIT TAMBUN YB Goh Choon Aik	(T) 04 - 502 5818 (F) 04 - 506 2138
N.19 JAWI YB H'ng Mooi Lye jawi@dappg.org	(T) 04 - 594 1163 (F) 04 - 594 3163
N.20 SUNGAI BAKAP YB Dr. Amar Prtipal Abdullah ybadunsungaibakap20@gmail.com	(T)
N.21 SUNGAI ACHEH YB Zulkifli Ibrahim n21adunsgacheh@gmail.com	(T)
N.23 AIR PUTIH YB Lim Guan Eng limguaneng@penang.gov.my	(T) 04 - 829 0614
N.24 KEBUN BUNGA YB Jason Ong Khan Lee kebunbunga24@gmail.com	(T) 04 - 826 5451 (F) 04 - 826 5451
N.25 PULAU TIKUS YB Lee Chun Kit pulautikus@dappg.org	(T) 04 - 228 5298 (F) 04 - 229 4294
N.27 PENGKALAN KOTA YB Gooi Zi Sen pengkalankota@dappg.org	(T) 04 - 250 1522 (F) 04 - 250 1523
N.30 SUNGAI PINANG YB Lim Siew Khim limsiewkhim@penang.gov.my	(T) 04 - 657 6630 (F) 04 - 658 6630
N.31 BATU LANCANG YB Ong Ah Teong batulancang@dappg.org	(T) 04 - 280 4411 (F) 04 - 280 4422
N.32 SERI DELIMA YB Syerleena Abdul Rashid 32seridelima@gmail.com	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 5611

NAMA ADUN	No Tel/ No Faks	NAMA ADUN PEMBANGKANG	No Tel/ No Faks
N.33 AIR ITAM YB Joseph Ng Soon Siang airitam@dappg.org	(T) 04 - 829 9143	N.01 PENAGA YB Ustaz Yusni Mat Piah	(T)
N.35 BATU UBAN YB Kumaresan A/L Aramugam kumar.harapan35@gmail.com	(T) 04 - 668 1062 (F) 04 - 668 1062	N.04 PERMATANG BERANGAN YB Nor Hafizah Othman	(T)
N.36 PANTAI JEREJAK YB Dato' Saifuddin Nasution	(T)	N.05 SUNGAI DUA YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor	(T)
N.38 BAYAN LEPAS YB Azril Mahathir Aziz ambasegaria.aam@gmail.com	(T) 04 - 649 3976 (F) 04 - 649 3976	PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
N.39 PULAU BETONG YB Haji Mohd. Tuah Ismail	(T) 04 - 866 0214	N.01 PENAGA Md. Khalil Salleh novafast63@gmail.com	(T) 012 - 598 4881
N.40 TELUK BAHANG YB Zolkifly Md. Lazim	(T)	N.04 PERMATANG BERANGAN Dato' Jasmin Mohamad jmmohamed002@gmail.com	(T) 018 - 468 6610
DAP PENANG HQ dappg@streamyx.com	(T) 04 - 228 8482 (F) 04 - 228 8514	N.05 SUNGAI DUA Yusri Isahak ysregnot@gmail.com	(T) 019 - 337 4055
PKR PENANG HQ	(T) 04 - 397 0115	-	(T)

Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT	999	JPJ	04-656 4131
DIREKTORI TELEFON	103	JABATAN PENDAFTARAN	04-398 8809
OPERATOR ANTARABANGSA	101		04-226 5161
HOTLINE MBPP	04-263 7637	PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)	04-263 1166
ANGKATAN PERTAHANAN AWAM	04-228 9012	TOURISM MALAYSIA	04-261 0058
BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893	KERETAPI BUKIT BENDERA	04-828 8880
SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI	04-262 1957	FERI (GEORGETOWN)	04-210 2363
KASTAM	04-262 2300	(BUTTERWORTH)	04-310 2377
IMIGRESEN	04-250 3419	JAMBATAN PP	04-398 7419
WCC (Women's Centre for Change)	04-228 0342	STESEN KERETAPI BUTTERWORTH	04-261 0290
Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang)	04-398 8340		
EPF	04-226 1000	PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK	04-829 4046
SOCSCO	04-238 9888	CAP	04-829 9511
		BEFRIENDERS PENANG	04-281 5161
		PERPUSTAKAAN PP	04-281 1108
			04-229 8555

Kalendar Pelancongan



Program-Program Emas Kerajaan Negeri Pulau Pinang

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MBSP 2019**

Nama	Telefon
MBSP	04 - 549 7555
Anuar Yusoff	016 - 461 6390
A'ziss Zainal Abiddin	017 - 938 9192
Cheen Goon Hooi	012 - 402 0923
David Marshel a/l Pakianathan	019 - 412 3397
Dr. Seow Kweng Tian	012 - 507 2229
Heng Yeh Shiuan	016 - 261 2460
Jason Raj a/l Kirupanantha	014 - 905 8113
Johnson a/l Anthonysamy	012 - 424 5745
Kang Yau Chuang	010 - 829 3904
Khong Chee Seong	011 - 1522 6628
Kumaran A/L Krishnan	012 - 464 4697
Marshidaliza Marzuki	011 - 3929 9023
Mohd Saifullah Abd. Nasir	013 - 770 1001 013 - 503 3349
Mohd Sharmizan Mohamad Nor	011 - 1110 6456
Mohamad Akmal Azhar	019 - 518 5145
Ong Jing Cheng	012 - 758 3779 016 - 445 5709
Ooi Yong Wooi	016 - 421 1196
Shuhada Abdul Rahim	010 - 380 7672
Tan Chee Teong	012 - 401 7718
Tan Cheong Heng	012 - 487 3101
Tengku Rasidah Tengku Kamarudin	019 - 473 1323
Wong Chee Keet	012 - 451 1312
Zaini Awang	019 - 546 3115
Zulkiply Ishak	013 - 431 6161

SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

Bil.	Nama	Daerah	Pejabat / Unit Kewarganegaraan	No. Telefon
1.	Yeap Choon Keong	Timur Laut	Pejabat Bahagian Kewarganegaraan Pulau Pinang, Tingkat 3, KOMTAR.	013 - 449 0366
2.	Velan A/L Kalimuthu	Barat Daya		018 - 394 4537
3.	K. Krishnasamy	Seberang Perai Utara		012 - 488 1553
4.	P. Rachenamoorthy	Seberang Perai Tengah		019 - 457 2271
5.	U. Jagatsan	Seberang Perai Selatan		010 - 563 2279

Nota:

Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MBPP 2019**

Nama	Telefon
MBPP	04 - 259 2020
Ahmad Azrilal Tahir	019 - 541 4818
Aidi Akhbal Mohamed Zainon	012 - 464 3004
Azahari Aris	016 - 499 2580
Azli Ibrahim	011 - 2432 9007
Dr. Chee Heng Leng	017 - 333 9366
Francis a/l Joseph	012 - 474 3321
Gerald Mak Mun Keong	016 - 452 6499
Gooi Seong Kin	016 - 457 1271
Hari Krishnan a/l Ramakrishnan	010 - 505 5571
Harvindar Singh a/l Darshan Singh	012 - 428 2250
Kaliyappan a/l P. Renganathan	012 - 407 7276
Latifah Hussainsa	013 - 436 1999
Nurliyana Mohd Ramzi	011 - 3922 4080
Nur Zarina Zakaria	011 - 1578 5098
Ong Kean Peng	012 - 629 1133
Rohaizat Hamid	019 - 510 0075
Saiful Azwan Abd. Malik	016 - 463 2787
Shahrudin Mohamed Shariff	012 - 428 3160
Shung Yin Ni	012 - 413 9246
Tan Hooi Peng	012 - 498 6212
Tan Seng Keat	012 - 438 6191
Theng Jie Wey	016 - 418 7108
Vino Dini a/p Chandragason Pitchy	016 - 439 9358
Wong Yuee Harrng	016 - 439 9121

**SIDANG REDAKSI
BULETIN MUTIARA**

Penulis:
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

Jurugambar/Juruvideo:
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
ALVIE CHENG CHIN WEI
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

Jurugrafik:
IDZHAM AHMAD
NUR AFIQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

Editor BULETIN MUTIARA,
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Layari

 www.buletinmutiara.com

 [buletinmutiara](#) | ChowKonYeow

 [chowkonyeow](#)

 [@chowkonyeow](#)



NEGERI PINTAR, HIJAU DAN BERTERAKSI KELUARGA YANG MENGINSPIRASIKAN NEGARA

PENCAPAIAN SEMASA KERAJAAN NEGERI PAKATAN HARAPAN PULAU PINANG

MMK Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi



Had dua penggal jawatan Ketua Menteri.



PBAPP labur RM501 juta tingkat kualiti bekalan air terawat.



RM12 bilion pelaburan langsung asing (FDI) tertinggi di Malaysia.



Cipta 15,013 pekerjaan baharu dengan RM13.3 bilion pelaburan pada tempoh Q3 2019.



Tubuh PBA Green Technology fokus industri tenaga diperbaharui.

MMK Hal Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri & Perhubungan Masyarakat



Jawatankuasa Kecil Business and Industrial Park Enhancement Council (BIPEC) bagi memantau kerja-kerja selenggara di kawasan industri.



Mengilhamkan Gagasan Membangunkan Khaira Ummah.



Memperkasa program-program pengimarahuan masjid.



Agenda Pembangunan Islam melalui penubuhan Institut Syed Sheikh Al-Hadi.



Membangunkan Sekolah Islam Antarabangsa di bawah Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP).

MMK Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan, Pembangunan Modal Insan dan Sains, Teknologi & Inovasi



3,938 individu berjaya dilatih sebagai tenaga kerja mahir menerusi Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC).



Program Kewarganegaraan Pulau Pinang berjaya membantu 1,292 orang.



Peruntukan tahunan RM12 juta kepada Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Mualigh / Cina / Persendirian dan Sekolah Tamil.



170 sekolah kebangsaan dan menengah kebangsaan terima dana baiki dan selenggara infrastruktur.



Bantuan kemasukan ke IPT tempatan.



Inisiatif MakerLab di sekolah-sekolah terpilih.

MMK Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam



Dasar Keterangkuman Gender sebagai penanda aras penyertaan wanita dan lelaki di peringkat pembuat dasar.



RM1.5 juta kepada Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) untuk memacu agenda pembangunan wanita, keluarga dan keterangkuman gender.



Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) di 40 KADUN.



Menubuhkan Pusat Harmoni.



MMK Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa



102,000 unit rumah mampu milik siap, sedang dan akan dibina kini.



RM176.5 juta untuk menyelenggara Skim Perumahan Awam di lima daerah.



RM38 juta dana diluluskan bagi Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP).



Sistem parkir pintar, Penang Smart Parking dan sistem hentian bas pintar.



Projek perintis bagi perkhidmatan internet tanpa wayar berkelajuan tinggi dengan kerjasama Terragraph dan Facebook.



Projek Demonstrasi 5G di Pulau Pinang.

MMK Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar



Dasar Larangan Penggunaan Plastik Sekali Guna mulai 1 Januari 2019.



Teliti semula pelaksanaan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik selepas 10 tahun diperkenalkan.



Memperkasa program-program kebajikan setiap tahun, ada di antaranya menyaksikan peningkatan sumbangan kini.

MMK Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan



Aplikasi teknologi Kecerdasan Buatan (AI) untuk ramal wabak denggi.



Penjenamaan semula skim pinjaman mikrokredit Skim Pinjaman Harapan.



Lancar e-Book Garis Panduan Seragam Sarang Burung Walit Mentah Untuk Dagangan (GARUDA), pertama di dunia.



Purata hasil padi bersih hampir cecah 6 tan per hektar.



Kerjasama strategik dengan Enza Zaden, syarikat pengeluar benih tanaman dari Belanda.

MMK Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir



RM5.2 juta siapkan Pelan Induk Tebatan Banjir dan Saliran Mesra Alam.



80% projek RTB dari sumber peruntukan negeri siap.



Pelan Induk Perparitan di lima daerah siap.

(Sambungan di muka 22).

PGO 2019, tamatkan keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak

Kempen Penang Goes Orange P G O 2 0 1 9 berlangsung selama satu bulan membawa mesej "Hentikan Penderaan Seksual" berakhir dalam lautan kemeja-T berwarna oren yang dipakai oleh hampir 1,000 orang belia Pulau Pinang di ESCAPE, Teluk Bahang. Awal pagi 7 Disember, 2019 disempurnakan oleh sinaran matahari yang cerah dan lampaian angin timur laut yang nyaman. Suasana ini meliputi tempat letak kereta taman tema tersebut yang menjadi tapak majlis dan acara penutupan kempen.

Cabaran "The Orange Challenge" dimulakan oleh YB Zolkifly Md Lazim, ADUN Teluk Bahang dan

Puan Ong Bee Leng, Ketua Pegawai Eksekutif PWDC. Pasukan pertama yang dapat menyelesaikan cabaran dengan semua jawapan yang betul diberi hadiah utama. Kempen PGO2019 ditutup secara rasmi oleh Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang. Turut hadir ialah Chong Eng, EXCO Pembangunan Wanita dan Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, merangkap Penggerusi Lembaga Pengarah PWDC, serta Encik Sim Choo Kheng, Ketua Pegawai Eksekutif, Sim Leisure Escape Theme Park.

Peserta-peserta daripada kolej, persatuan belia dan syarikat serta orang awam bergegas ke pintu masuk taman tema, sebaik sahaja

bendera petanda permulaan dilambaikan. Tujuannya adalah untuk mencari petunjuk dan jawapan di sembilan stesen permainan yang berada di kawasan basah dan kering Taman Tema ESCAPE. Dalam masa 40 minit selepas permulaan, pasukan pertama muncul dari taman itu lalu bergegas menuju ke Stesen 10 iaitu stesen terakhir, untuk menyelesaikan cabaran mereka. Berikutnya itu, banyak lagi pasukan muncul. Pada pukul 9.00 pagi, cabaran berakhir dan para peserta diberi peluang memutar 'Wheel of Fortune' untuk memenangi hadiah. Tempat letak kereta awam yang luas berubah menjadi lautan oren, apabila dikelumuni dengan



KETUA MENTERI diiringi Chong Eng (dua dari kanan) dan Ong Bee Leng (kanan sekali) memerhatikan poster kempen berkaitan pada pengajuran Kempen PGO 2019 baru-baru ini.

kemeja-T warna oren. Peserta-peserta bersantai, duduk bersempang sambil menikmati sinaran matahari pagi dan lampaian angin yang sejuk nyaman sementara menunggu upacara penutupan kempen PGO2019.

Majlis penutupan bermula dengan ucapan aluan oleh Encik Sim Choo Kheng, diikuti dengan ucapan oleh Chong Eng dan seterusnya



PARA peserta Kempen PGO 2019 memulakan acara larian. ucapan penutupan oleh Ketua Menteri. Ucapan terima kasih dan cenderahati telah disampaikan oleh Ketua Menteri kepada pengajur tempat acara, para rakan strategik, para penaja dan para kolaborator. Sebaik sahaja majlis penutupan selesai, peserta-peserta bergembira apabila dapat tiket masuk percuma ke Taman Tema Escape, tajaan Sim Leisure Escape Theme Park.

Kempen PGO2019 telah berjaya meningkatkan kesedaran

orang ramai tentang isu penderaan seksual terhadap wanita dan kanak-kanak. Kempen ini buat kali pertama sejak mulanya pada tahun 2014, telah sampai ke komuniti setempat. Di samping itu, kempen tahun ini telah menepati kumpulan sasaran iaitu golongan belia.

Marilah kita menyahut panggilan dan tindakan untuk menamatkan semua bentuk keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak.



KETUA MENTERI bersama-sama tetamu jemputan dan para peserta yang hadir menunjukkan tanda sokongan terhadap kempen hentikan keganasan terhadap wanita.

Rogol, katakan 'TIDAK'!

Oleh : NUR HASANAH AHMAD AKHIR

Seorang gadis dari daerah Tenom telah dirogol oleh abangnya selama tiga tahun, sebelum berani untuk memberitahu gurunya tentang keganasan tersebut.¹ Untuk tahun 2017, sebanyak 1,582 kes seksual telah dilaporkan dan ini termasuk 69 kes dari Pulau Pinang. Yang menonjol dan menyediakan dalam statistik ini ialah 1,163 kes ini berlaku kepada kanak-kanak di bawah umur 18 tahun.

Mengikut Kanun Keseksian Malaysia, rogol atau serangan seksual ditakrifkan sebagai melakukan hubungan seks dengan seorang tanpa kehendak atau persetujuannya. Jika ada persetujuan, persetujuan tersebut hendaklah bebas daripada perasaan takut dan dominasi. Mengadakan hubungan seks dengan gadis di bawah umur 16 tahun, dengan atau tanpa persetujuannya, disifatkan sebagai rogol.

Walaupun Kanun Keseksian mendefinisikan secara jelas tentang serangan seksual, masyarakat pada umumnya percaya bahawa serangan seksual terjadi akibat nafsu dan keinginan yang tidak terkawal oleh pelaku. Walau bagaimana pun, menurut United Nations Women, terdapat korelasi tinggi antara keganasan terhadap wanita dengan ketidakseimbangan dari segi dinamik kuasa gender, stereotip gender, nilai patriarki dan ketaksamaan yang

berlaku sejak dulu.

Kebanyakan mangsa serangan seksual tidak mencari keadilan kerana takut menjadi mangsa kali kedua dalam bentuk berlainan dan pada tahap berbeza. Bukan sahaja itu, kerisauan tentang stigma yang dialami oleh mangsa rogol dan keluarga mereka merupakan salah satu sebab utama untuk tidak melaporkan jenayah itu sehingga menyebabkan perogol bersikap berani untuk mengulangi jenayah yang terhina ini.

Untuk diri mangsa serangan seksual, salah satu ketakutan yang paling besar yang timbul dalam fikirannya ialah ketidakpercayaan bahawa serangan itu telah berlaku ke atas dirinya. Ketidakpercayaan juga merupakan salah satu sebab utama mangsa menangguhkan pelaporan. Ketidakpercayaan mangsa bukan sahaja menghalang mereka tetapi meragut keberdayaan mereka dalam mencari keadilan. Kajian menunjukkan bahawa mangsa wanita yang mengalami serangan seksual adalah dua kali lebih mungkin mengalami Post-Traumatic Stress Disorder (PTSD) berbanding dengan mangsa lelaki.² Gejala PTSD termasuk kemurungan, kegelisahan, serangan panik dan lain-lain lagi.

Bagaimanakah kita sebagai masyarakat dapat ubah keadaan ini? Secara individu, langkah pertama ialah mendengar dan mempercayai mangsa. Adalah penting untuk mendengar pengalaman mereka dan membantu

menegaskan bahawa ini bukan salah mereka. Di samping itu, sediakan maklumat tentang cara mencari keadilan tanpa memberi tekanan untuk membuat pilihan. Ini membolehkan mangsa untuk mengambil alih kawalan ke atas kehidupan mereka yang telah diragut oleh serangan tersebut.

Sebagai sebuah masyarakat, kita harus bergerak ke hadapan dan bukan sahaja mendidik golongan wanita dan kanak-kanak tentang cara melindungi dan mencegah serangan. Sudah tiba masanya untuk kita mendidik masyarakat kita tentang menghormati hak-hak autonomi badan seseorang dan jangan melakukan perbuatan rogol.

Walaupun terdapat undang-undang dan langkah-langkah khas untuk membantu mangsa serangan seksual, namun tanpa kemauan politik daripada masyarakat, tiada perubahan akan berlaku. Masyarakat wajar berhenti menyalahi mangsa. Kita boleh hentikan gejala rogol dengan mengubah pemikiran kita. Kita sendiri mesti kata "Tidak" terhadap rogol.

¹ <https://www.thestar.com.my/news/nation/2019/11/01/girl-my-brother-raped-me-for-three-years#MJf5u8csxwMz7CXD.99>

² <https://wao.org.my/rape-statistics/>

³ <https://unwomen.org.au/wp-content/uploads/2015/11/Eliminating-violence-against-women-in-the-Asia-Pacific1.pdf>

⁴ https://www.justice.gc.ca/eng/rp-pr/jr/trauma/trauma_eng.pdf



TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627

Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 10073 MEEZANA BINTI MEERA MYDEEN - 81101207**** BLOK 10-3-11 LINTANG KAMPUNG RAWA 1, HALAMAN DAMAI 10150 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10074 ZULFA BINTI A M M SARIFFDIN - 82080307**** 9-5-8 LINTANG MACALLUM 2, 10300 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10085 NG CHIN YIK - 85032307**** NO. 47 JALAN SEJAHTERA 4, TAMAN SEJAHTERA 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 10088 SITI NAZMIN BINTI AMIR ALI - 84011507**** 2A-03-12B MUTIARA HEIGHT, LINTANG HAJAH REHMAH 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
Penjamin 1	: AL-RIFAE BIN MOHAMED ISHAK - 70111771**** BLOK 88-5-12A SRI WONDER, LINTANG SUNGAI PINANG 10150 PULAU PINANG	Penjamin 1	: ROSHAN KHAN BIN A M M SARIFFDIN - 6510907**** 9-5-9 LINTANG MACALLUM 2, PANGSAPURI PELANGI 10300 PULAU PINANG	Penjamin 1	: NG HUEY WUEN - 83073007**** 47 JALAN SEJAHTERA 4, TAMAN SEJAHTERA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: FIRUZ KHAN BIN AMIR ALI - 73101607**** 2B-06-16 MUTIARA HEIGHTS, LINTANG HAJAH REHMAH 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2	: MUHAMMED MUBARAK ALI BIN PAKIR ROWTHER - (MINGGAL DUNIA) 1A-18-04 MUTIARA IDAMAN SATU, SOLOK TENGKU, JELUTONG 11600 PULAU PINANG	Penjamin 2	: BASHIR AHAMED BIN A M M SARIFFDIN - 72080507**** 9-3-6 LINTANG MACALLUM 2, PANGSAPURI PELANGI 10300 PULAU PINANG	Penjamin 2	: ONG CHEE WEI - 81052401**** NO. 109 JALAN PERMATA, TAMAN MESRA, ULU TIRAM 81800 JOHOR	Penjamin 2	: SITI FATIMAH BT MOHAMED ALI - 64081107**** 1B-15-05 MUTIARA IDAMAN, SOLOK TENGKU, JELUTONG 11600 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 10091 LEE WEI CHIEN - 84011807**** NO. 11 JALAN NURI 9, SETIA PEARL ISLAND 11900 BAYA LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10100 SYED MOHD ANIS AZRAIE BIN SYED SHAARI - 83122308**** 75 JALAN ORKID PERMAI, TAMAN ORKID PERMAI 13200 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam	: 10104 JONATHAN LOH YEAN HUAI - 83070507**** BLOK 17-17-05 SERINA BAY, HILIR SUNGAI PINANG 11600 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10106 LIM CHUON HONG - 84061207**** NO.2995 JALAN MAJU, TAMAN SERI MAJU 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1	: CH NG KHENG HOCK - 59121207**** 5 CANGKAT BUKIT GAMBIR 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	Penjamin 1	: SYED SHAARI BIN SYED ABDULLAH - 57071108****	Penjamin 1	: JULIA LEE - 58070407**** 16-17-05 SERINA BAY, HILIR SUNGAI PINANG 11600 PULAU PINANG	Penjamin 1	: KHOR LEE LI - 58102007**** 2995 JALAN MAJU, TAMAN SERI MAJU 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2	: CHAN AH KOW - 45062907**** NO. 20 LORONG MACALISTER 10400 PULAU PINANG	Penjamin 2	: WAN MOHD ASYID BIN MAT - (MINGGAL DUNIA) NO.127 JALAN CENDANA, TAMAN CENDANA, KULIM 09000 KEDAH	Penjamin 2	: LOH KOEY CHUA - 63040607**** 9B-08-06 TAMAN KHENG TIAN, JALAN VAN PRAAGH 11600 PULAU PINANG	Penjamin 2	: LIM CHUON PENG - 80100407**** 42 LORONG TENANG 9, TAMAN SRI TENANG 14000 BUKIT MERTAJAM
No Akaun Peminjam	: 10140 MOHD HAZLAMI BIN ZULKIPLI - 86123135**** NO.1251 MR 9, KAMPUNG PAYA, TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10146 MOHD ISKANDAR BIN HAUZAR - 86063035**** BLOK B-G-10 TAMAN HJ MOHD AMIN, KAMPUNG PERTAMA 13500 PERMATANG PAUH	No Akaun Peminjam	: 10150 ONG CHENG THIN - 64122807**** 31 JALAN KEBUN NENAS 4R/KS8, BANDAR PUTERA 2, 41200 KLANG, SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 10151 MAIZATUL NURUL BARIOH BINTI AHMAD - 85070107**** NO.32 LORONG SEMARAK API 3, TAMAN SEMARAK API 06010 CHANGLUN, KEDAH
Penjamin 1	: ZULKIFLI BIN MAT - 63032907**** 1251 MUKIM 9, KAMPUNG PAYA, TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG	Penjamin 1	: NORAINI BH TOH MOHAMED @ WAN TEH - 66031307****	Penjamin 1	: CHUAH LAY HOON - 65061907**** 31 JALAN KEBUN NENAS 4R/KS8, BANDAR PUTERA 2, 41200 KLANG, SELANGOR	Penjamin 1	: AMIR HAZRIL SANY BIN AHMAD - 79031507**** 274 LORONG ANGSANA 1, TAMAN ANGSANA 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 2	: MUREZA SHAMIN BT MUHAMMAD - 73091307**** 33-4-28 TAMAN PEKAKA, JALAN PEKAKA SATU, GELUGOR 11700 PULAU PINANG	Penjamin 2	: MOHD IRWAN BIN HAUZAR - 77050907**** BLOK B-G-10 TAMAN HJ MOHD AMIN 13500 PERMATANG PAUH	Penjamin 2	: KOAY SIEW BEE - 68072007**** NO.19 TINGKAT BAKAU 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG	Penjamin 2	: AMIR SHAHRIL RIZAL BIN AHMAD - 81022707**** 3-1-4 DESA JELUTONG, JALAN JELUTONG 11600 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 10154 NAZIRAH BINTI YAHAYA - 86081308**** NO.1383 LORONG CEMPA, JALAN TELAGA AIR 12200 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam	: 10165 NOOR SURIANA BINTI MOHD KHALDI - 86093035****	No Akaun Peminjam	: 10166 TNEH WENG KUAN - 85042607**** NO.12-7 TAMAN HUI AUN, HALAMAN ZOO SATU 11500 AYER ITAM, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10173 PUVENDRAN A/L KARPAYAH - 83050207**** 681-B TINGKAT 2 BLOK A, TAMAN TUN DR AWANG, BAGAN AJAM 13000 BUTTERWORTH,
Penjamin 1	: ZULKIFLI BIN YAHAYA - 79031408**** 3922 KAMPUNG AMAN 13100 PENAGA, SPU	Penjamin 1	: SUHAIMI BIN AHMAD - 57072202**** 38 LORONG KERANJU 03, TAMAN KERANJU, KULIM 09000 KEDAH	Penjamin 1	: TEH BENG SENG - 43041407**** NO. 4-4 JALAN ZOO 11500 AYER ITAM , PULAU PINANG	Penjamin 1	: PANNEER SELVAM A/L GANESEN - 71072507**** 3-10 PANGSAPURI TELAGA EMAS, OFF JALAN TELAGA AIR 12200 BUTTERWORTH
Penjamin 2	: MOHD SHAHZRAL BIN YUSUF - 82050307**** 54 PERMATANG BENDAHARI 13100 PENAGA, SPU	Penjamin 2	: AISHAH BINTI CHE DOO - 75051102**** 877 PERSIARAN UTTAMA 2/5, KULIM UTAMA, KULIM HI-TECH PARK 09000 KULIM, KEDAH	Penjamin 2	: TEH CHENG HOE - 52042707**** BLOK 1-8-4, TAMAN LONE PINE ,LEBUH RAMBAI 14, PAYA TERUBONG 11060 AYER ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 2	: WINSON A/L SAVASTIAN - 78092708**** 1F-05-14 JALAN RU 1, DESA BAIDURI, FARLIM, AYER ITAM 11500 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 10175 NOOR BAKHTIAR BIN AHMAD - 82021007**** NO.141 JALAN 4, TELOK BAHANG 11050 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10179 YONG HUI MAN - 83060614**** NO. 16 CANGKAT KENARI 2, TAMAN DESARIA, SUNGAI ARA 11900 BAYA LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10189 SIM LEE YING - 83100307**** 109 LORONG IMPIAN 11, TAMAN RESIDENSI IMPIAN 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 10191 MOHD NAZIRUL AMRI BIN AZIZAN - 86100735**** PEJABAT MASYARAKAT PENYAYANG, PARAS 46 KOMTAR 10503 PULAU PINANG
Penjamin 1	: NOOR AZIZAH BINTI AHMAD - 75041017**** 141 LORONG NELAYAN 4, TELUK BAHANG, BALIK PULAU 11050 PULAU PINANG	Penjamin 1	: ANG SEW CHING - 55022108**** 2-5-7 LEBUH PADANG TEMBAK 11400 PULAU PINANG	Penjamin 1	: SIM LEE WEI - 81020207**** 3-14-06 LEBUH RELAU 6, MUKIM 13 BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	Penjamin 1	: AZIZAN BIN HASSAN - 56100602**** 996 PANGSAPURI PELANGI 10300 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 2	: NOORHANA BINTI AHMAD - 72012807**** 7A-5-10 PALM COURT, SERI TANJUNG PINANG, TANJUNG TOKONG 10470 PULAU PINANG	Penjamin 2	: YONG LEE MAN - 80103014**** NO. 16 CANGKAT KENARI 2, TAMAN DESARIA, SUNGAI ARA 11960 BAYA LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 2	: TAN BEE HONG - 76032507**** 72 JALAN IMPIAN INDAH 2, TAMAN IMPIAN INDAH, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: ISMAIL BIN IBRAHIM - 68100807**** 380-B JALAN HAJAH REHMAH 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 10194 NOR HALIZA BINTI HALIB@YAHAYA - 83022707**** BLOK 4269 TGKT 3 NO. 11, RKAT 1RAMD, KEM PERDANA SUNGAI BESI 57000 KUALA LUMPUR	No Akaun Peminjam	: 10200 TAN GIN KEAT - 86040835**** 10-28-02 JALAN GANGSA, GREENLAND HEIGHTS 11600 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10201 TEH PING FEN - 84121807**** NO. 15 JALAN PAKIS, KUKUP 82300 JOHOR	No Akaun Peminjam	: 10203 RAGULAN A/L MURUGAYAH - 82062907**** NO. 2068 JALAN DUA 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1	: HELMI BIN HALIB - 70012507**** 4-2-16 TAMAN SERI INDAH 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG	Penjamin 1	: TAN KIM PEW - 53091307**** 10-28-02 JALAN GANGSA, GREENLAND HEIGHTS 11600 PULAU PINANG	Penjamin 2	: ANG JIN KIONG - 68081107**** NO. 6 LORONG ECO MEADOWS 16, TAMAN ECO MEADOWS 14100 SIMPANG EMPAT, SPS	Penjamin 1	: MURUKRISHAN A/L NANDAKUMAR - 79040902**** NO. 4 LORONG 1/1A, TAMAN MELOR, SUNGAI LAYAR, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH
Penjamin 2	: USAMAH BIN SALIM - 71021907**** 2B-13-16 MUTIARA IDAMAN 2, SOLOK TENGKU, JELUTONG 11600 PULAU PINANG	Penjamin 2	: TAN KIM SAN - 57122007**** 100-8-16 MEDAN PENAGA, TAMAN SELATAN 11600 PULAU PINANG	Penjamin 2	: PHEN KAR AIK - 83022002**** NO.37-B PEKAN KUALA PEGANG 09110 BALING, KEDAH	Penjamin 2	: MURUGAYAH A/L PONNUSAMY - 58052907**** 878 KAMPUNG KOVIL 13200 KEPALA BATAS, SPU
No Akaun Peminjam	: 10208 RAJENDREN A/L SAMSON - 82102007**** NO 2A JALAN PUTRA MUTIARA 3, TAMAN KAMPAR UTARA 31900 KAMPAR, PERAK	No Akaun Peminjam	: 10210 NOORAINI BINTI MOHAMED SIDEK - 82031907****	No Akaun Peminjam	: 10211 MIMA MELISA BINTI SHAHBAN - 81120371**** NO. 63 JALAN PAUH 1, TAMAN PAUH 13700 PERAI	No Akaun Peminjam	: 10213 SITI ASA BINTI MOHD NOR - 86022535**** 20 LORONG MERAK 50, TAMAN MERAK JAYA 14100 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 1	: ANTHONY DASS A/L JOSEPH - (MINGGAL DUNIA) 4-3-11 CHANGKAT MAYANG PASIR 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG	Penjamin 1	: SITI HARNIZA BH MOHAMED SIDEK - 72060506****	Penjamin 1	: SAKINAH BT ABD WAHAB - 51050507**** 38-9-7 TAMAN BATU UBAN, JALAN PANTAI JERJAK 11900 PULAU PINANG	Penjamin 1	: ROHAYA BINTI MOHD NOR - 78052907**** NO.20 LORONG MERAK JAYA 50, TAMAN MERAK JAYA 14100 SIMPANG EMPAT, SPS
Penjamin 2	: CECILIA A/P ANTHONY DASS - 67022307**** 4-3-11 CHANGKAT MAYANG PASIR 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG	Penjamin 2	: SUHAIDA BINTI MOHAMED SIDEK - 75101407****	Penjamin 2	: ZURINAH BT ABD WAHAB - 63041607**** NO. 9 LORONG WIDURI 18, TAMAN WIDURI 14200 SUNGAI JAWI, SPS	Penjamin 2	: MOHD FUAT BIN MD AMIN - 69052502**** NO.20 LORONG MERAK JAYA 50, TAMAN MERAK JAYA 14100 SIMPANG EMPAT, SPS
No Akaun Peminjam	: 10217 LEE KONG SANG - 83051607**** NO. 2 LORONG BIDARA 22, TAMAN BIDARA, MACHANG BUBOK 14020 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 10219 YOGESWARI A/P VELAYATHAM - 86030535**** 1D-05-06 DESA BAIDURI, JALAN RU 1, FARLIM 11500 AYER ITAM, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10220 MOHD FAIZAL BIN WAN CHEK - 81052407**** 2B-7-3 PERSIARAN NURI, SETIA PULAU MUTIARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10235 AHMAD SHUKOR SAFIZUL BIN AB AZIZ - 84013007****
Penjamin 1	: LEE LAY HWA - 72100607**** NO. 2 LORONG BIDARA 22, TAMAN BIDARA, MACHANG BUBOK 14020 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: SIVARAJOO A/L PALANIANDY - 62020202**** 251 DEKAT JALAN BATU MAUNG, BATU MAUNG 11960 PULAU PINANG	Penjamin 1	: ZAHARI BIN ISHAK - 62043007**** 105 JALAN 3/23 SEKSYEN 3 TAMBAHAN, TAMAN BANGI 3, BANDAR BARU BANGI 43650 SELANGOR	Penjamin 1	: BLOK 6-1-4 SOLOK SUNGAI ARA 1, SUNGAI ARA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2	: LEE LAY YIN - 74042307**** NO. 2 LORONG BIDARA 22, TAMAN BIDARA, MACHANG BUBOK 14020 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: SARASVATHI A/P RAJAN - 81081607**** 1B-12-09 DESA BAIDURI, JALAN RU 1, AIR ITAM 11500 PULAU PINANG	Penjamin 2	: MD NIZAM BIN WAN CHEK - 72053007**** 134 BLOCK K, MUKIM 12, TELOK TEMPOYAK, BATU MAUNG 11960 PULAU PINANG	Penjamin 2	: SALBIAH BT AHMAD - 52101807**** 842 JALAN BANDAR PUTERI 2/20, BANDAR PUTERI JAYA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
No Akaun Peminjam	: 10242 WAN MAHANI BINTI MAHADZAR@ MAHADZIR - 83083007**** AF-1-8 TAMAN TUN SARDON, GELUGOR 11700 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10249 FIDZREL SHANAZ BIN FAZIN - 84043007**** 1379 JALAN CHE MURAD, KAMPUNG BELAT BATU 02600 ARAU, PERLIS	No Akaun Peminjam	: NADEEYA BINTI IQBAL - 81050607**** 3-3-13 FLAT MEDAN TENGKU, JELUTONG 11600 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10256 MOHD FAHMI BIN MD FIKRI - 86090935**** NO. 6305 PONGSU SERIBU 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1	: MOHD JASMIN BIN JAMILUDIN - 73070507**** NO. 30 PERSIARAN SEKSYEN 2/15, BANDAR PUTRA BERATAM 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 1	: FAZIN BIN ALI - 55052409**** 1379 JALAN CHE MURAD, KAMPUNG BELAT BATU 02600 ARAU, PERLIS	Penjamin 1	: KALSOM BEE BT MD ISA - 54121407**** 3-3-13 MEDAN TENGKU 11600 JELUTONG, PULAU PINANG	Penjamin 1	: ABDULLAH BIN BAHAROM - 5112607**** NO.303 KAMPUNG PAYA 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2	: NORSHUHAILA BINTI AHMAD ROPAI - 75040408**** 32 LORONG SERI MENGKUANG 4, TMN SERI MENGKUANG, KUBANG SEMANG 14400 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: HAZIZAH BINTI ALI - 64014049**** LOT 2619 JALAN CHE MURAD, KAMPUNG BELAT BATU 02600 ARAU, PERLIS	Penjamin 2	: RAZALI LEE BIN ABDULLAH - 52082107**** 3-3-13		

MBSP gondol dua anugerah inovasi

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
 Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

SEBERANG JAYA - Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) muncul sebagai johan pertandingan 'Innovation Blast' yang bertajuk 'Pathole Report and Repair Rangers Via Crowdsourcing' (CPS) dalam Majlis Sambutan Hari Inovasi Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2019 pada 12 November lalu.

Datuk Bandar MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud memberitahu bahawa pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan membawa pulang wang tunai RM200 serta sijil dalam program anjuran Bahagian Komunikasi Korporat dan Inovasi, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

"Majlis disempurnakan oleh Yang Berbahagia Dato' Azhar Haji Arshad, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan).

"Ini, kejayaan MBSP sempena Majlis Sambutan Hari Inovasi Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2019," jelasnya dalam Mesyuarat Penuh Majlis Ke-545 (Bil. 11/2019) di Menara Bandaraya MBSP di sini pada 26 November 2019.

Setiausaha Bandaraya, Ir. Rosnani Mahmud; barisan Ahli Majlis bagi MBSP dan Ketua-ketua Jabatan dalaman PBT berkenaan turut menyertai mesyuarat bulanan majlis tersebut.

Turut serta di bangku pemerhati, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teluk Air Tawar, Mustafa Kamal Ahmad dan seorang pegawai khas kepada Menteri Kewangan merangkap Ahli Parlimen Bagan.

Di samping itu, Rozali turut merakamkan kejayaan MBSP muncul sebagai naib juara untuk Kategori Bukan ICT dalam Anugerah Inovasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang (AIKNPP).

"MBSP telah menjadi naib johan untuk Kategori Bukan ICT bertajuk 'Vehicle Optimizing Matrix-Decision Modelling' dan membawa pulang wang tunai sebanyak RM3,000, trofi dan sijil," ujarnya.

Dalam mesyuarat penuh sama, Rozali turut mengumumkan Anis Shazreen Azmi dilantik sebagai Pegawai Perancang Bandar dan Desa berkut kuasa 1 November 2019.



SR. Rozali Mohamud (tiga dari kiri) bersama-sama barisan kepimpinan MBSP menunjukkan piala serta hadiah-hadiah yang dimenangi pada penganjuran Majlis Sambutan Hari Inovasi Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2019 di sini baru-baru ini.

TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang

Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627

Fax : 04-2613453

Layari Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 10260 : JAS RIZAL BIN JAAPAR - 73101107**** 11A-11-03 HALAMAN CENDANA, PESIRAN MAYANG PASIR 8, 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10270 : SIVABALAN A/L S KULASINGAM - 80120314**** NO.11 LENGKOK INDAH, OFF JALAN KULIM, TAMAN BUKIT INDAH 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 10275 : HARNANI BINTI MOHAMED - 81100307**** NO 45 JALAN BU 1/3 BANDAR UTAMA, PETALING JAYA 47800 SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 10276 : LIM CHAN HONG - 85052907**** NO.43 TINGKAT SERINDIT 6, TAMAN DESA JAWI 14200 SUNGAI JAWI, SPS
Penjamin 1	: JULIANA BINTI AZMI - 74072507**** 11A-11-03 HALAMAN CENDANA, PESIRAN MAYANG PASIR 8, 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 1	: SAROJINI A/P KULAVEERASINGAM - 53100102**** 11 LENGKOK INDAH, TAMAN BUKIT INDAH, JALAN KULIM 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: HARYATI BINTI MOHAMED - 75053007**** B2-11-6 PANTAI HILLPARK, PHASE 5, JALAN PANTAI DALAM 59200 KUALA LUMPUR	Penjamin 1	: LIM SOK BOEY - (MENINGGAL DUNIA) 111 JALAN HARUAN 2, TAMAN HARUAN, KELANG LAMA 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 2	: JAS RIMI BIN JAAPAR - 75111107**** 1145-B KAMPUNG BINJAI 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 2	: ZAHRAH BINTI MUHAMMAD - (MINGGAL DUNIA) 23 TINGKAT SIAKAP 11, 13700 SEBERANG JAYA	Penjamin 2	: NATASYA BINTI MOHD SALLEH - 77062110**** 21 JALAN TERATAI 1/5, TAMAN BUKIT TERATAI 56100 CHERAS, KUALA LUMPUR	Penjamin 2	: YEOH ENG TATT - 78121407**** 9B-22-16 JALAN VAN PRAAGH, BANDAR JELUTONG 11600 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 10280 : IBRAHIM BIN MD JAKI - 86010607**** 1707 PERMATANG MANGGIS 13200 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam	: 10282 : SAFARINA BINTI CHE EMBY - 80010207**** JABATAN PENGAIARAN DAN SALIRAN PULAU PINANG, SPS. KOMPLEKS PEJABAT KERAJAN 14200 JAWI, SPS	No Akaun Peminjam	: 10283 : NORSHAHIDA BINTI OTHMAN - 80031107**** NO.1281 MK 5 KAMPUNG PETANI, KUBANG SEMANG 14400 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 10289 : SITI FARAH WAHIDA BINTI MAZLAN - 82122414**** NO.1480 POKOK SENA 13220 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1	: HALIZA BINTI MD JAKI - 76081707**** 1410 KUATERS KLINIK DESA, PERMATANG SINTOK 13100 PENAGA, SPU	Penjamin 1	: ROSIDAH BINTI AHMAD - 78050602**** KAMPUNG MATANG KERIANG, MUKIM JERAM 06000 JITRA, KEDAH	Penjamin 1	: Lt Kol MOHD NOOR BIN HASNAANIN - 58042107**** NO. 4 JALAN MAWAR 2/4A, ZON MAWAR, AMBANGAN HEIGHT 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH	Penjamin 1	: MOHD HASANUDIN BIN RAMLI - 81021506**** NO. 532C BLOK T, JALAN JENAHAK 13700 SEBERANG JAYA
Penjamin 2	: AZIZAH BINTI BRAHIM - 76030607**** KLINIK DESA PERMATANG BULOH 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 2	: SALASIAH BINTI HASAN - 80021208**** PEJABAT JURUTERA DAERAH, TINGKAT 3 BANGUNAN PENTADBIRAN DAERAH, 71009 PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN	Penjamin 2	: SITI AMINAH BT HASNAANIN - 78021107**** 603 MK 5 KAMPUNG PETANI 14400 KUBANG SEMANG, BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: SAMSIAH BINTI SAAD - 60010907**** NO.1746 MERBAU KUDUNG 13800 SUNGAI DUA, BUTTERWORTH
No Akaun Peminjam	: 10291 : MAZAWATI BINTI MANSOR - 76011607**** 87 LORONG BLM 4/9, BANDAR LAGUNA MERBOK 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH	No Akaun Peminjam	: 10294 : NORHIDAYAH BINTI NORSHAMSUDIN - 84100214**** NO. 1421 TAMAN MELATI, TELOK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam	: 10319 : B RAJINISRI A/P BAYER KANU - 83122807**** NO. 85, JALAN KERONGSANG 6, BANDAR PUTERI 41200 KLANG, SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 10327 : MOHD NASEER BIN ABU BAKAR - 82041807**** 2252 TAMAN MELATI , PADANG SERAI 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 1	: MARHANIZA BINTI MANSOR - 73090807**** NO. 137 LORONG BLM 3/1, BANDAR LAGUNA MERBOK 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH	Penjamin 1	: ROHAYAHWATI BINTI AHMED - 66031707**** NO. 125 PERSIARAN SEKSYEN 3/9, BANDAR PUTRA BERTAM 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 1	: SUBRAMANIAM A/L VISWANATHAN - 65021502**** 24 LORONG TASEK MUTIARA 14SS2, BANDAR TASEK MUTIARA 14120 SIMPANG AMPAT, SPS	Penjamin 1	: ABU BAKAR BIN MUHAMAD - (MENINGGAL DUNIA) NO. 2252 TAMAN MELATI 09400 PADANG SERAI, KEDAH
Penjamin 2	: AZIDIN BIN ISMAIL - 65031202**** NO. 55-F LORONG 3, TAMAN SUNGAI LALANG 08100 BEDONG, KEDAH	Penjamin 2	: MOHD KHERUDDIN BIN AHMED - 72021707**** NO. 19 PERSIARAN SEKSYEN 3/20, BANDAR PUTRA BERTAM 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 2	: VASUDEVAN A/L VISWANATHAN - 69022802**** 9 LORONG SEJAHTERA 17, TAMAN SEJAHTERA, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: SAIFUL IMRAN BIN MOHAMED YUSOF - 76060508**** NO 39 JALAN IB9 , TAMAN INTAN BAIDURI 43900 SEPANG, SEANGOR
No Akaun Peminjam	: 10334 : YEOH WEI MEI - 84020707**** BLOK D-8-17, RUMAH PANGSA PADANG TEMBAK 11400 AIR ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 1	: KOAY PHAIK SIEW - 56100707**** 4D-05-19 LORONG SEMARAK API 1, 11500 PULAU PINANG	Penjamin 1	: HENG KAI PERNG - 82121007**** 20 LORONG GEMILANG RIA 2, TAMAN GEMILANG 14000 BUKIT MERTAJAM,	No Akaun Peminjam	: 10337 : TUNG POAY CHOO - 58090307**** 73 C23-2 CENTRAL PARK, LEBUHRAYA JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1		Penjamin 2	: GOWRI A/P RAMASAMY - 73050107**** 2C-5-6 D PIAZZA CONDOMINIUM , LENGGOK MAYANG PASIR 1, 11950 PULAU PINANG	Penjamin 2	: KOH SWEE KAM - 63122907**** 14 LORONG KERJASAMA 3, TAMAN KERJASAMA 14000 BUKIT MERTAJAM		

Pulau Pinang, fasiliti pembuatan pertama Asia Tenggara *Smith + Nephew*

GEORGE TOWN - Syarikat pengeluar peralatan perubatan global terkemuka Britain, *Smith + Nephew* memilih Pulau Pinang bagi menempatkan fasiliti pembuatan baharu di Taman Perindustrian Batu Kawan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, ia merupakan fasiliti pengilangan berteknologi tinggi pertama syarikat terbabit di Asia Tenggara.

"Pembinaan fasiliti baharu yang merangkumi keluasan 23,225.76 meter persegi ini dijangka bermula pada awal tahun hadapan (2020) dengan kumpulan pengeluaran pertama produk dijangka pada akhir tahun 2022.

"(Dan) dengan adanya fasiliti baharu ini, lebih 800 peluang pekerjaan bakal tercipta dalam tempoh lima tahun akan datang.

"Malah, pelaburan strategik syarikat *Smith + Nephew* di Pulau Pinang akan direkodkan dalam prestasi pelaburan separuh tahun kedua tahun ini," ujarnya pada sidang media pemeteraian perjanjian antara dua pihak berkaitan di Komtar baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Dato' Mohd. Bazid Abd. Kahar dan Naib Presiden *Smith + Nephew*, Ross Macken.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memaklumkan bahawa industri peralatan perubatan memiliki potensi pertumbuhan tinggi pada masa hadapan.

"Meskipun sektor elektrik dan elektronik (E&E) serta industri semikonduktor memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi negeri sejak beberapa dekad lalu, namun industri peralatan perubatan menunjukkan pertumbuhan positif di Pulau Pinang sejak 10 tahun kebelakangan ini.

"Hal ini kerana, industri tersebut amat berkait rapat dengan subsektor pembuatan lain yang terdapat dalam ekosistem industri di negeri ini, selain menawarkan insentif untuk menarik pelaburan dalam industri berkaitan," katanya yang turut menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan



MOHD. Bazid Abd. Kahar (dua dari kiri) bertukar dokumen perjanjian dengan Ross Macken (kanan sekali) sambil disaksikan Ketua Menteri dan Prof. Dr. P. Ramasamy (kiri sekali) sejurus pemeteraian perjanjian antara dua pihak berkaitan di sini baru-baru ini.

dalam menarik masuk pelaburan ke Pulau Pinang.

Dalam pada itu, Macken memberitahu bahawa pihaknya mempunyai beberapa lokasi lain untuk dijadikan pangkalan bagi fasiliti pembuatannya sebelum memilih Pulau Pinang.

"Kedudukan yang strategik

menjadi salah satu sebab pihak kami (*Smith + Nephew*) memilih Pulau Pinang.

"Selain itu, di sini (Pulau Pinang) juga terdapat tenaga kerja berkemahiran dan bermotivasi tinggi yang diimbangi dengan kepakaran dalam bidang pengilangan dan pembuatan.

"Pastinya, secara keseluruhan, Malaysia merupakan lokasi yang sangat menarik dengan kestabilan ekonomi, infrastruktur sedia ada dan juga sejarah pelaburan sejak sekian lama, semuanya sangat kami hargai," katanya.

Menurut Macken, bagi fasa satu di fasiliti pembuatan baharu, pihaknya akan menumpukan dalam pembuatan implan untuk pembedahan ortopedik seperti implan lutut serta pinggul.

"Kemudian secara berfasa, pihak kami akan membawa produk pembuatan lain seperti perubatan sukan dan pengurusan luka kerana fasiliti baharu ini dijangka akan terus berkembang," tambah beliau.

Ditubuhkan pada tahun 1856, *Smith + Nephew* merupakan sebuah syarikat multinasional yang kini berpangkalan di Watford, United Kingdom dan merupakan pengeluar dan pembekal peralatan perubatan global termasuk produk artroskopi, trauma, terapi klinikal dan ortopedik dengan pendapatan direkodkan AS\$4.9 bilion pada tahun 2018.

SPACES platform terbaik tambah jaringan kerja optimis jana pertumbuhan ekonomi negeri

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar: **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

GEORGE TOWN - Konsep ruang kerja bersama atau *co-working spaces* semakin menjadi trend dalam kalangan pemilik perniagaan yang menginginkan kelainan.

Terbaru, bangunan ikonik empat tingkat bercirikan 'British Palladian' milik Standard Chartered Bank Berhad di Lebuh Pantai kini ditransformasikan sebagai *SPACES Beach Street* (SPACES).

Berbeza dengan suasana pejabat konvensional, SPACES menawarkan ruang yang lebih fleksibel dengan menerapkan rekaan moden kontemporari serta sesuai bagi kumpulan pekerja profesional, sepenuh masa mahupun pekerja bebas (*freelancer*) untuk bekerja bersama-sama dalam suasana lebih santai.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow ketika hadir merasmikan pembukaan SPACES baru-baru ini menyifatkan transformasi tersebut sebagai sesuatu yang kreatif dan berinspirasi.

"Sebelum ini, bangunan tersebut merupakan sebuah bank komersial dan dengan pekembangan semasa inisiatif ruang kerja bersama diwujudkan di zon warisan.

"SPACES akan menjadi platform terbaik untuk menambah jaringan kerja yang mana (ia) juga mampu mewujudkan suasana lebih menarik, bebas serta kreatif dan tidak terlalu korporat."

"(Dan) SPACES merupakan ruang kerja bersama terbaru di Pulau Pinang selepas Wisma Yeap Chor Ee (@CAT) yang juga terletak di zon warisan," ujarnya dalam ucapan perasmian di sini 20 November lalu.



SPACES Beach Street menawarkan kemudahan selesa dan moden.



REKA bentuk bangunan bercirikan 'British Palladian' menjadi salah satu faktor penarik.

yang bertapak di Pulau Pinang dapat mengambil peluang serta menggarap idea baru untuk mewujudkan lebih banyak ruang kerja bersama di negeri ini," serunya.

Dalam pada itu, Vijayakumar dalam ucapannya percaya bahawa Pulau Pinang akan terus menjadi salah satu peneraju penting dalam ekonomi negara.

"IWG selaku peneraju penyedia ruang kerja bersama fleksibel dunia memilih Pulau Pinang kerana di sini bukan sahaja menjadi hab penyatuan budaya, malah juga hab perniagaan kepada usahawan untuk berkongsi idea yang konstruktif selain menambah jaringan perniagaan untuk berkembang maju," katanya.

Dalam pada itu, Kon Yeow turut optimis dengan wujudnya lebih banyak ruang kerja bersama seperti ini, prospek pertumbuhan ekonomi negeri akan turut bercambah.

"Tidak seperti suasana pejabat yang tipikal, ruang kerja bersama seperti ini biasanya tidak dimiliki oleh organisasi sama.

"(Dan) saya berharap, pemilik perniagaan

Dilengkapi dengan ruang resepsi, peralatan berteknologi terkini, internet berkelajuan tinggi, kafe, perabot yang selesa serta ruang istirahat serba lengkap dan moden, SPACES mampu menghidupkan suasana tenang.

Difahamkan, SPACES telah melebarkan sayap di 250 lokasi seluruh dunia, dan kembara pertamanya ke Malaysia adalah di SPACES Platinum Sentral, Kuala Lumpur.

Berbeza dengan Regus (juga dimiliki oleh IWG), SPACES menawarkan konsep ruang kerja bersama yang lebih santai dan moden.

Maklumat lanjut, sila layari <http://www.spaceworks.com/>.

MBSP sasar semua premis makanan capai Gred A dan B tahun depan

Teks & Gambar : **SUNARTI YUSOFF**

PERAI – Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata bahawa pihaknya menyasarkan semua premis makanan di Seberang Perai mencapai Gred A dan B pada tahun depan.

“Sehingga kini, hanya 31 peratus atau 822 daripada 2,141 premis makanan yang ada berjaya mencapai Gred A dan B.

“Justeru, pada tahun depan, kita (MBSP) mahu menumpukan kepada baki 69 peratus atau 1,319 premis makanan yang berada pada Gred C supaya ditingkatkan menjadi Gred A atau B.

“Semua pengusaha premis makanan tidak boleh sambil lewa hal ini kerana MBSP akan mengambil tindakan tegas dengan menutup premis jika gagal meningkatkan tahap kebersihan,” katanya semasa merasmikan Sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan Peringkat Seberang Perai di sini 16 November lalu.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi MBSP, Tan Cheong Heng dan Tan Chee Teong; Pengurus Besar Badan Pengurusan Bersama (JMB)

Megamall Pinang, Datuk Ng Hooi Lai serta wakil-wakil komuniti setempat.

Mengulas lanjut, Rozali memberitahu bahawa kawasan Seberang Perai berjaya mencapai kadar kitar semula tertinggi dalam negara iaitu 47.13 peratus pada tahun ini sehingga September lalu.

“Kita boleh mencapai kadar kitar semula kerana kita mendapat sokongan yang kuat daripada penduduk.

“Hasil perjumpaan dengan penduduk yang kita adakan, mereka membangkitkan beberapa masalah iaitu kesesakan lalu lintas, pengurusan sampah, masalah banjir kilat dan ekonomi yang makmur.

“Justeru, MBSP memberikan tumpuan kepada aspek-aspek ini melalui pembentangan Bajet 2020 bertemakan ‘Seberang Perai Green Bajet’ yang memperuntukkan sebanyak RM113.58 juta bagi tujuan pembersihan serta kehijauan,” ujarnya.

Dalam pada itu, Rozali memaklumkan bahawa MBSP mbelanjakan kira-kira RM100 juta bagi tujuan pengurusan sisa pepejal pada setiap tahun sejak lima tahun lalu.

“Saya merasakan ini satu pembaziran



SR. Rozali Mohamud (empat dari kiri) menyampaikan sijil penghargaan kepada salah seorang wakil komuniti yang menjayakan program kitar semula di lokaliti masing-masing bersempena Sambutan Hari Kitar Semula Peringkat Seberang Perai dekat sini baru-baru ini.

kerana kita (MBSP) dapat 41 peratus daripada sampah yang dibuang di tapak pelupusan adalah sampah organik dan boleh dikompos serta dikitar semula.

“Oleh itu, sekiranya sampah ini dialihkan

dari tapak pelupusan, kita (MBSP) yakin akan dapat menjimatkan lagi perbelanjaan yang mana penjimatan ini boleh digunakan untuk tujuan pembangunan lebih bermanfaat untuk masyarakat,” jelasnya.

Perubahan iklim, warga bandar digesa lakukan perubahan

GEORGE TOWN – Warga bandar digesa supaya melakukan perubahan terhadap persekitaran isi rumah, kejiranan, komuniti dan kehidupan personal bagi menangani perubahan iklim yang semakin serius.

Gesaan tersebut dibuat Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh ketika melancarkan penganjuran *Penang Climate Action Week* (PCAW) di sini 17 November lalu.

Boon Poh berkata, perubahan iklim bukan sesuatu yang remeh, sebaliknya memerlukan perhatian dunia.

“Menyedari hakikat itu, program dilancarkan hasil kerjasama Think City Sdn. Bhd. (ThinkCity) dan Kerajaan Negeri ini bukan hanya bertujuan membangkitkan kesedaran orang ramai tentang perubahan iklim di Pulau Pinang, sebaliknya juga untuk mempromosikan penggunaan serta pengeluaran mampan dan menggalakkan wacana tindakan terhadap penyelesaian iklim.

“PCAW berkumpul sebagai satu komuniti, sebagai sebuah negara bagi berbincang, berkongsi maklumat, merangka strategi dan mengambil tindakan mampan sewajarnya,” ujarnya pada majlis pelancaran penganjuran berkenaan.

Hadir sama, Pengarah Program ThinkCity, Matt Benson, Perunding ThinkCity (Jenama dan Komunikasi), Maya Tan

dan Pengurus Besar Penang Green Council (PGC), Josephine Tan Mei Ling.

Mengulas lanjut, Boon Poh memberitahu bahawa isu-isu berbangkit seperti peningkatan suhu, kenaikan paras air laut, banjir kilat serta lain-lain berkaitan sedang dihadapi dunia dan tidak terkecuali turut dirasai Pulau Pinang.

“Pembangunan bandar pesat, penggunaan plastik, pelepasan CO₂ (karbon dioksida) dari kapal terbang dan kenderaan, penebangan hutan, sisa pertanian serta industri yang mempengaruhi atmosfera, sungai dan lautan sedang didepani semua pihak.

“Semua ini membunuh ‘ibu’ kita iaitu bumi, yang seterusnya akan membunuh kesihatan kita sebagai penduduk bumi ini.

“Di peringkat negeri, kita (Kerajaan Negeri) sedang merangka pelbagai rancangan untuk mengurangkan impak kesan buruk perubahan iklim dengan menjalankan kerjasama bersama-sama ThinkCity dan organisasi lain yang berminat untuk mengambil tindakan serius terhadap krisis iklim sedang dialami kini,” jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu.

Dalam pada itu, Benson memberitahu bahawa pelancaran program tersebut menyerlahkan lagi hubungan di antara bandar raya terhadap krisis iklim.

“Selama berabad-abad, bandar-bandar telah menjadi pusat perdagangan, budaya serta inovasi... mereka (bandar-bandar besar) menggunakan dua pertiga daripada tenaga dunia dan mencipta 70 peratus pelepasan CO₂ global.

“Walaupun 70 peratus daripada bandar-bandar ini sudah menangani kesan perubahan iklim, tetapi semuanya masih berisiko yang mana lebih 90 peratus daripada kawasan bandar adalah pantai dan menjadikan bandar-bandar sebagai kawasan berisiko dilanda banjir ekoran peningkatan paras air laut serta angin ribut.

“Namun, masih ada peluang untuk kita mewujudkan kualiti kehidupan yang lebih baik iaitu dengan mengurangkan jejak karbon yang mana ia boleh dilaksanakan

melalui perancangan serta pelaburan lebih baik kepada penyelesaian berdasarkan alam sekitar dan perubahan tingkah laku,” katanya.

Kempen Tak Nak Plastik Sekali Guna
停止使用一次性塑料产品

200 TAHUN masa diperlukan untuk proses penguraian straw plastik

Malaysia menduduki tempat ke-8 di antara 10 negara teratas yang menyalahrus sisa plastik di dunia

Penggunaan straw plastik memudaratkan hidupan laut dan alam sekitar

塑料吸管需花上200年才会分解
马来西亚在全球10大塑料废物处理不善的国家榜中居第8位
使用塑料吸管严重破坏了大自然与海洋生态



(Dari kiri), MATT Benson, Phee Boon Poh dan Josephine Tan Mei Ling pada Majlis Pelancaran PCAW di sini baru-baru ini.

Belia diseru rancang masa depan selaras IR4.0, mantapkan sahsiah diri

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : LAW SUUN TING

GEORGE TOWN – Golongan belia diseru untuk merancang masa depan dengan sebaik-baiknya selaras dengan era Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0) dan tidak hanya dibelenggu atau bergantung kepada kelayakan akademik semata-mata.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa kelayakan akademik bukan pengukur kejayaan sebenar, kerana apa yang lebih penting adalah bagaimana seseorang belia dapat berkongsi pengetahuan demi memanfaatkan diri serta orang lain.

“Di universiti, pengetahuan mungkin merupakan perkara utama bagi mendapatkan segulung ijazah, namun hakikatnya, pengetahuan dan nilai-nilai moral yang diperoleh memainkan peranan sama penting untuk pembangunan sahsiah seseorang belia.

“Pada era IR4.0 kini, belia mesti bijak merancang laluan masa hadapan mereka sebaik-baiknya.

“Perancangan inilah yang akan membantu seseorang menghadapi sebarang halangan pada masa hadapan,” ucapnya sebelum melancarkan Forum Belia Untuk Masa Depan di sini 23 November lalu.

Hadir sama, Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee, Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Bertam), Lee Khai Loon (ADUN Machang Bubuk) serta Thoy Siew Ping (Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang, PYDC).

Program Belia Untuk Masa Depan tersebut merupakan inisiatif di bawah portfolio Lip Chee bagi membantu merangsang pembangunan belia di Pulau Pinang dan dalam negara.

“Inisiatif ini adalah untuk membantu golongan belia menyumbang kepada pembangunan negeri dan negara.

“Oleh itu, saya mendorong lebih ramai belia untuk menyertai aktiviti-aktiviti yang diadakan demi mewujudkan lebih banyak prospek pekerjaan kepada mereka,” ujarnya yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal.



KETUA Menteri dan Soon Lip Chee (kanan sekali) menurunkan tandatangan sebagai gimik perasmian Forum Belia Untuk Masa Depan sambil diperhatikan oleh Lee Khai Loon (dua dari kiri) dan Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq (kiri sekali) di sini baru-baru ini.

**ECO
BLOOM**
• Where Life Flourishes •

LOT KOMERSIAL DUA TINGKAT | 22' x 68'

@ Simpang Ampat, Pulau Pinang

Hak milik kekal · Kedudukan strategik
Akses mudah · Dikelilingi oleh kediaman mapan

Unit bumiputera kini dibuka untuk jualan dengan

5%
BUMIPUTERA
REBAT

+
KEMPEN
#SENANGjer

KUNJUNGI SEKARANG, MASA TERHAD!





Naik taraf gentian optik sehingga 2021 dengan kerjasama TIME.com Berhad.



Perkenal kemudahan penginapan ala colonial di Banglo Hillside dan Tulip House.



Naik taraf sistem bekalan elektrik di Waterfall selepas 18 tahun tidak dinaik taraf.



Penyediaan Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang bagi memantapkan pembangunan pelancongan secara menyeluruh.

MMK Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan



Menjalin kerjasama dengan Perbadanan Nasional Berhad bagi meneroka peluang baharu dalam industri francais di Pulau Pinang.



Transformasi dan penjenamaan semula Festival George Town kepada program kesenian untuk semua.



Hab Kompetensi Teknikal pertama di Asia Tenggara di Pulau Pinang dalam memacu transformasi industri digital.



Penambahbaikan penganjuran acara-acara bertaraf antarabangsa menerusi aplikasi pendigitalan.



Halal Penang menjalinkan kerjasama dengan HASRAT@USM bagi membangunkan modul Halal Pharmacopoeia pertama dunia.



Memperkuuh jalinan hubungan antara beberapa 'Sister City' yang sedia termeterai dan dalam proses pemeteraian.



Memeterai perjanjian perdagangan dua hala bersama-sama beberapa wilayah berpotensi tinggi di Republik Rakyat China.



Penjenamaan jenama Penang State Art Gallery menerusi logo yang lebih moden serta mewujudkan sebuah pusat cenderamata pertama.



Inisiatif tarik pelancong melalui Experience Penang Year sejak 2018.



Promosi dan kerjasama bersama-sama komuniti diperkasakan menerusi GTWHI membabitkan industri kreatif berdasarkan tradisi kebudayaan setempat.



Trafik masuk di Terminal Kapal Persiaran Pelabuhan Swettenham meningkat.



MMK Belia dan Sukan



Menambah perkhidmatan penerbangan langsung dari Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.



Program 'Sukan Untuk Semua' sebagai platform melibatkan masyarakat dengan aktiviti sukan.



Program Youth For Future dan Penang Youth Volunteer galak penglibatan belia dalam pembangunan negeri.

Memperkasakan pembangunan sukan e-Sport.

Azam 2020: Pemilikan rumah dan pembangunan ekonomi penekanan golongan muda

TAHUN 2019 bakal melabuhkan tirai sekaligus membuka peluang kepada setiap lapisan masyarakat untuk menetapkan azam baru yang ingin dicapai pada tahun depan.

Justeru, wartawan Buletin Mutiara, NORSHAHIDA YUSOFF dan WATAWA NATAF ZULKIFLI serta jurugambar, DARWINA MOHD. DAUD menjalankan tinjauan khas bagi mendapatkan reaksi umum mengenai harapan mereka bagi tahun 2020 khususnya berkaitan pelaksanaan dasar oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan dalam memakmurkan rakyat jelata.



MUHAMMAD Hilmy Shafiq Mohamad Yusoff.

Pembantu Penyelidik di Universiti Sains Malaysia (USM), **MUHAMMAD HILMY SYAFIQ MOHAMAD YUSOFF**, 25, berharap agar kehidupan masyarakat berpendapatan rendah (B40) terus diberikan perhatian oleh Kerajaan Negeri mahupun Persekutuan.

Katanya, kepimpinan sedia ada di peringkat kerajaan perlu terus mengambil sikap peduli rakyat berhubung pelaksanaan kepelbagaiannya dasar yang dapat melindungi hak pihak-pihak berkaitan.

"Peringkat kepimpinan adalah tonggak dalam memacu kejayaan dan pembangunan negeri serta negara, jadi seharusnya mereka sentiasa bersikap peduli rakyat, terus lindungi kehendak kita (rakyat) agar impaknya kelak akan dapat memberi kesan positif kepada negara."

"Sebagai rakyat pula, saya akan terus berbakti dan berusaha untuk memberi manfaat kepada orang lain serta sedaya-upaya meningkatkan kesedaran orang ramai tentang pentingnya menjaga hak terutamanya golongan yang tertindas."

"Selain itu, saya juga berlitzam untuk terus mencari ruang dan peluang dalam meningkatkan keupayaan diri supaya kemahiran yang ada dapat ditingkatkan setanding kehendak majikan," ujarnya yang merupakan graduan



NUR Aliana Fatihah Abdul Razak (kiri) dan rakannya Nurul Izzati Rahman.

Sarjana Pengurusan Ekonomi (MEM) dari universiti awam sama.

Usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) muda, **NUR ALIANA FATIHAH ABDUL RAZAK**, 25, pula berharap agar pihak Kerajaan Negeri dapat memperbaikkan lagi skim sedia ada untuk membantu golongan belia mencebur ke bidang keusahawanan.

"Jika dilihat hari ini, semakin ramai golongan muda bermintah menyertai bidang IKS yang merupakan sektor terpenting yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

"Jadi, sekiranya ada insentif-insentif menarik yang disediakan pastinya akan dapat menarik lebih ramai lagi anak muda untuk menjadi usahawan IKS."

"Di samping itu, bagi melonjakkan lagi produk IKS, diharap Kerajaan Negeri boleh bantu mempromosikan produk-produk keluaran IKS ini agar setanding dengan produk-produk lain di pasaran," katanya ketika ditemui di Karnival Koperasi Pasar Ko-op dekat Kepala Batas baru-baru ini.



NOR Azwina Bodin.

Dalam pada itu, pekerja sektor swasta, **NOR AZWINA BODIN**, 31, berharap agar lebih banyak projek perumahan mampu milik dibangunkan di negeri ini.

Ujarnya, sehingga sekarang beliau masih menyewa ekoran harga rumah yang mahal dan sukar dimiliki.

"Harga rumah sekarang sangat mahal, ditambah dengan kos sara hidup yang semakin tinggi menyebabkan golongan muda sukar untuk memiliki kediaman sendiri."

"Kebanyakan orang muda sekarang ini hanya mampu menyewa rumah sahaja.

"Oleh itu, Kerajaan Negeri harus memainkan peranan untuk membina lebih banyak rumah kos rendah dan membuka peluang kepada golongan muda untuk memilikinya," seru beliau yang turut berpandangan bahawa pemberian skim-skim rebat menarik dapat menggalakkan lagi golongan muda untuk membeli rumah.



V. Malini.

V. MALINI, 35, pula berharap agar pembangunan projek transit aliran ringan (LRT) dapat disegerakan untuk meningkatkan perjalanan sehari-hari beliau yang terpaksa berulang alik kerja dari Juru ke Bayan Lepas.

"Diharap projek LRT ini cepat-cepat dibangunkan, kerana saya perlu berulang-alik dari Juru ke Bayan Lepas setiap hari dan ini sememangnya sangat memusatkan selain terpaksa membayar kos perbelanjaan yang tinggi."

"Oleh itu, perkhidmatan LRT dilihat sebagai alternatif yang dapat meringankan beban kami," jelasnya.

Peniaga dalam talian, **SCARLETT TAN**, 20-an,



SCARLETT Tan.

menzhirkan harapan agar bidang perniagaan yang diceburi beliau semakin berkembang pada tahun depan.

"Selain itu, impian saya adalah untuk melihat iklim ekonomi lebih baik lagi pada tahun hadapan supaya kuasa membeli rakyat dapat ditingkatkan."

"Di dalam sebuah negeri yang berbilang kaum, saya turut berhasrat melihat masyarakat kita hidup dalam keadaan aman, makmur dan sejahtera," katanya.



MUHAMMAD Firdaus Safri.

Bagi **MUHAMMAD FIRDAUS SAFRI**, tahun 2020 membuka ruang untuknya memberikan perkhidmatan yang lebih baik lagi kepada penduduk di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bayan Lepas.

"Sebagai individu yang bertugas di pejabat ADUN Bayan Lepas, perkhidmatan kami sentiasa dinilai dan diperhatikan oleh masyarakat setempat."

"Oleh itu, adalah penting bagi kami untuk menyampaikan perkhidmatan dengan lebih berkesan kepada mereka."

"Saya juga bertekad untuk perbanyak lagi program-program menyantuni rakyat serta meningkatkan mutu penyampaian melalui pihak-pihak berkepentingan di sini seperti pejabat ADUN dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK)," katanya.

Dalam pada itu, **ASWIRNA SHUKUR**, 35, yang bertugas



ASWIRNA Shukur.

dalam bidang perhubungan awam berhasrat untuk menambah simpanan bagi mengukuhkan kedudukan kewangan serta menjaga kesihatan dan kecergasan.

"Bertugas di dalam bidang perhubungan awam, penting untuk saya kekal cergas, justeru kesihatan merupakan perkara pokok yang perlu diutamakan."

"Sebagai wanita, sudah pasti keterampilan perlu dijaga kerana kerjaya saya juga perlu bertemu orang ramai dan hadir ke majlis-majlis."

"Soal kewangan ianya merupakan satu perkara yang amat mustahak dalam menjamin masa hadapan dan ia berkait rapat juga dengan kesihatan dan keceriaan," ujarnya.



ZULFAZDLI Md. Noordin.

Pengerusi (MPKK) Sungai Dua, **ZULFAZDLI MD. NORDIN**, 45, berazam untuk memperkuuhkan lagi organisasi berkaitan melalui pelaksanaan pelbagai program selain menjadi mata dan telinga kepada Kerajaan Negeri untuk kesejahteraan penduduk pada tahun depan.

"Melalui azam ini, saya percaya dapat meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup masyarakat setempat."

"Selain itu, saya juga berharts memperbaikkan program membabitkan anak-anak muda khususnya berkaitan sukan agar mereka tidak terjebak dengan gejala-gejala negatif," katanya.

Pelopori pertanian bandar bebas racun perosak

TELUK BAHANG - Pulau Pinang dicadang sebagai negeri paling hadapan mempelopori bidang pertanian bandar yang bebas daripada penggunaan racun makhluk perosak tanaman.

Sistem pertanian dan kawalan makhluk perosak semasa sebenarnya banyak bergantung kepada bahan kimia yang mana kandungan bahan-bahan kimia yang disembur atau ditabur terus kepada tanaman adalah amat berbahaya kepada kesihatan manusia terutamanya golongan kanak-kanak serta haiwan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teluk Bahang, **ZOLKIFLY MD. LAZIM** berkata, hasrat untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang bebas racun makhluk perosak akan tercapai sekiranya semua pihak memberikan komitmen penuh dalam mengusahakan pertanian bandar bebas racun.

"Walaupun bagi sesetengah petani atau peladang menganggap bahawa penggunaan racun makhluk perosak sangat membantu untuk meningkatkan hasil pertanian mereka, namun usaha bagi mempelopori amalan pertanian bebas racun ini boleh dimulakan untuk pertanian bandar, tanaman di kawasan rumah dan juga taman-taman perumahan," ujarnya ketika merasmikan projek perintis, Program Tanaman Bebas Racun yang dianjurkan oleh Pertubuhan Kebajikan Iktisan NGO I-Care Pulau Pinang dengan kerjasama Jabatan Pertanian Daerah Barat Daya serta Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Teluk Bahang.

Ketika melontarkan idea tersebut, Zolkifly turut menyatakan komitmen dan kesudian beliau untuk mengadakan perbincangan lanjut serta melanjutkan idea tersebut kepada pihak Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang dan Exco berkaitan.

Menurut beliau, program tersebut boleh dijadikan projek

perintis dan diperluaskan kepada seluru warga negeri yang ingin bercucuk tanam dengan harapan amalan serta budaya pertanian bebas racun menjadi satu fenomena di Pulau Pinang.

"Pertanian bandar bukan suatu perkara baru dalam kalangan masyarakat di negara ini, tetapi kebanyakannya mengambil jalan pintas dengan menggunakan baja-baja kimia yang boleh membahayakan kesihatan."

"Selain baja-baja kimia, baja organik adalah alternatif terbaik untuk menjayakan kempen pertanian bebas racun ini," jelasnya.

Mengulas lanjut mengenai inisiatif tersebut, Zolkifly memberitahu bahawa sekiranya konsep pertanian bandar diusahakan dengan serius, ia pasti dapat menambahkan sumber pendapatan kepada pengusaha.

"Selain menjimatkan perbelanjaan dan menambahkan pendapatan, konsep pertanian bandar juga boleh dijadikan sebagai aktiviti berfaedah ketika masa terluang," ulasnya.

Difahamkan, program rintis tersebut berjaya menarik 50 peserta yang terdiri daripada mereka yang berminat untuk bercucuk-tanam.

Dalam pada itu, pihak pengajur, **FAZANA MUSTAFFA** ketika berucap menyatakan bahawa menjelang tahun 2020, pihaknya mensasarkan sejumlah 400 rumah akan menyertai kempen tersebut dengan penglibatan Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Teluk Bahang bagi mengusahakan tanaman sayur-sayuran menggunakan baja organik sepenuhnya.

"Mengikut perancangan, setiap rumah dikehendaki menanam sayur-sayuran yang berbeza-beza yang mana mereka terlibat akan dibekalkan dengan peralatan seperti pasu, benih serta perkakasan untuk menanam."

"Malah, untuk memastikan inisiatif ini benar-benar

membahayakan hasil, mereka juga akan diberikan bimbingan untuk menghasilkan baja organik sendiri menggunakan kaedah yang betul.

"I-CARE berhasrat untuk menjuarai usaha tanaman bebas racun di Malaysia... kita akan jadikan program ini sebagai langkah permulaan untuk menjadi inspirasi kepada yang berminat, namun kejayaan hanya akan dapat dicapai sekiranya semua pihak merealisasikannya," katanya.

Dalam program yang berlangsung pada 22 November lalu di Dewan MPKK Teluk Bahang itu, para peserta telah diberikan bimbingan khas daripada Jabatan Pertanian Daerah Barat Daya berhubung cara-cara menanam dan menjaga sayur-sayuran yang ditanam khas di dalam pasu yang telah disediakan.

Salah seorang peserta yang hanya mahu dikenali sebagai **SITI AMIRAH** ternyata teruja kerana terpilih menyertai program julung kali berkenaan.

Katanya, di samping dapat membawa pulang dua pasu, biji benih dan perkakasan menanam, beliau juga dapat menambah ilmu mengenai pengendalian tanaman.

"Walaupun pada mulanya nampak seperti mudah saja pertanian bandar ni, tetapi sebenarnya memerlukan pengetahuan.

"Sekeliling rumah saya juga akan kelihatan lebih ceria dan sedap mata memandang dengan kepelbagaiannya jenis sayur, malah pengetahuan yang diperoleh juga dapat mengisi masa lapang nanti," ujar beliau sambil memberitahu bahawa minat dan kesabaran adalah kunci utama, jika tidak usaha itu akan menjadi sekerat jalan sahaja.

Rata-rata peserta yang menyertai program berkenaan mengharapkan agar inisiatif tersebut diperluaskan ke kawasan lain di seluruh Pulau Pinang.

Pelaksanaan kutipan cukai bagi petak atau blok sementara di negeri Pulau Pinang

CUKAI bagi petak atau blok sementara di Negeri Pulau Pinang telah mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2019 melalui pemberitahuan Warta P.U (B) 714 bertarikh 21 Disember 2018. Selain negeri Pulau Pinang, negeri Selangor dan Melaka telah melaksanakan kaedah yang sama dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bakal melaksanakannya pada tahun hadapan.

Cukai petak ini menggantikan cukai tanah yang sedia ada bagi bangunan strata yang memiliki hakmilik strata di negeri Pulau Pinang. Setiap pemilik petak akan menerima bil cukai petak masing-masing dan mereka bertanggungjawab untuk menjelaskan bayaran tersebut. Pemilik petak tidak perlu membayar caruman cukai tanah kepada Perbadanan Pengurusan (MC) tetapi caj penyelenggaraan (*maintenance fees*) masih perlu dibayar kepada MC.

Bagi mana-mana bangunan berstrata yang belum memiliki hakmilik strata, cukai tanah akan dikenakan seperti biasa kepada MC sehingga hakmilik strata didaftarkan. Mereka tidak perlu membuat bayaran cukai petak tetapi hanya perlu membayar caruman cukai tanah kepada MC dan MC bertanggungjawab untuk menjelaskan bayaran cukai tanah tersebut kepada Pejabat Daerah dan Tanah.

Bagi tahun ini, bil cukai petak akan diedarkan secara berperingkat mulai bulan November 2019 melalui MC. Sebanyak 224,303 bilangan petak melibatkan 1,796 skim dijangka akan menerima bil cukai petak pada tahun ini. Bil cukai petak bagi tahun 2020 akan diedarkan bermula Januari 2020 melalui MC kepada setiap pemilik petak.

Walaubagaimanapun, pemilik petak masih boleh membuat bayaran cukai petak di mana-mana Pejabat Daerah dan Tanah sekiranya bil cukai petak masih belum diterima.

Pembayaran boleh dilakukan melalui dua

(2) kaedah:

- kaunter Pejabat Daerah dan Tanah di Pulau Pinang
- secara atas talian di portal <http://ebayar.penang.gov.my> mulai **1 Januari 2020**

Bagi pembayaran cukai petak tahun 2019, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah meluluskan supaya pemilik petak boleh membuat bayaran cukai petak sehingga atau pada **31 MEI 2020 tanpa dikenakan caj denda lewat**.

Pemilik petak boleh membuat pengemaskinian seperti nama, alamat surat-menurut dan maklumat lain yang berkaitan melalui:

- Borang NA(2) – Borang boleh diperoleh di:
 - o Kaunter Hasil Pejabat Daerah dan Tanah
 - o Kaunter Hasil Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang
 - Sistem PTGBil (atas talian)- etanah.penang.gov.my

Jumlah cukai petak yang dikenakan bagi setiap petak adalah berbeza dari pembayaran caruman cukai tanah kepada MC/JMB sebelum ini. Ini adalah kerana cukai petak bagi setiap petak bergantung kepada keluasan petak dan petak aksesori masing-masing. Kemudahan masyarakat bersama (*Common Property*) dalam pembangunan berstrata seperti kolam renang, taman permainan, gimnasium dan sebagainya tidak dikenakan cukai petak.

Faedah pelaksanaan cukai bagi petak atau blok sementara adalah:

- memudahkan pembayaran cukai secara per unit
- tidak perlu membayar cukai tanah kepada Perbadanan Pengurusan lagi
- dapat mengurangkan masalah yang timbul semasa transaksi urusniaga dan bukan urusniaga petak seperti pindah milik
- memudahkan urusan pusaka

dilaksanakan

Pelaksanaan cukai petak atau blok sementara membolehkan pemilik petak strata untuk membuat pembayaran cukai petak masing-masing terus ke Pejabat Daerah dan Tanah dan mendapatkan resit pembayarannya dengan mudah. Resit pembayaran cukai petak merupakan salah satu syarat untuk menjalankan transaksi urusniaga seperti pindahmilik bagi petak berstrata berkenaan. Kerajaan Negeri berharap hebahan ini dapat memaklumkan semua pemilik hakmilik strata mengenai pelaksanaan kutipan cukai petak dan seterusnya dapat memberi kesedaran kepada semua pemilik petak untuk melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, pemilik petak boleh menghubungi:

(i) Bahagian Hasil Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara

Tel : 04-577 6618
Email - <http://spu.penang.gov.my>

(ii) Bahagian Hasil Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah

Tel : 04-548 8915
Email - <http://spt.penang.gov.my>

(iii) Bahagian Hasil Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan

Tel : 04-585 7851
Email - <http://sps.penang.gov.my>

(iv) Bahagian Hasil Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut

Tel - 04-650 5290

Email - <http://dtl.penang.gov.my>

(v) Bahagian Hasil Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya

Tel - 04-04-868 9455

Email - <http://dbd.penang.gov.my>

(vi) Bahagian Hasil Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang

Tel - 04-650 5805

Email - <http://ptg.penang.gov.my>

PULAU PINANG

ANDA BIJAK KERNA MEMBAYAR

CUKAI PETAK LEBIH AWAL

(PENGECUALIAN KHAS)

Pemilik petak boleh membuat pengemaskinian nama, alamat surat-menurut dan maklumat lain melalui:

1. Kaunter
Pilih mana-mana kaunter bayaran yang berhampiran dengan anda

2. Online
Pembayaran secara atas talian di <http://ebayar.penang.gov.my> mulai Januari 2020

Borang NA (2)
Borang boleh diperoleh di -Kaunter Hasil Pejabat Daerah dan Tanah -Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang

Online
Pengemaskinian secara atas talian melalui PTG Bil di <http://etanah.penang.gov.my>

31 Disember 2019 tanpa dikenakan denda lewat

Kaunter Bayaran

Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Utara	Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Tengah	Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Selatan	Pejabat Daerah & Tanah Dataran Timur Laut	Pejabat Daerah & Tanah Dataran Barat Daya
13200 Kapit Belut	14200 Sungai Jawa	14000 Buloh Meru	10000 KOMTAR	11000 Balik Pulau
Pulau Pinang				
Tel : 04-577 6618 Fax : 04-577 8966 http://spu.penang.gov.my	Tel : 04-548 8915 Fax : 04-530 9549 http://spt.penang.gov.my	Tel : 04-585 7851 Fax : 04-532 1003 http://sps.penang.gov.my	Tel : 04-650 5290 Fax : 04-263 0587 http://dtl.penang.gov.my	Tel : 04-868 9455 Fax : 04-869 1171 http://dbd.penang.gov.my

Diedarkan oleh: Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang Tingkat 22, KOMTAR, 10000 Pulau Pinang

Tel: 04-650 5805 **Fax:** 04-251 9307 **<http://ptg.penang.gov.my>**

FPX **VISA**

MBPP lulus penggunaan ‘bersyarat’ ruang awam BIDS bagi kegunaan komersial

PADANG KOTA – Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bersetuju meluluskan cadangan untuk membenarkan pindah milik Lesen Establismen Makanan di kawasan pentadbiran MBPP melalui syarat-syarat ditetapkan.

Perkara tersebut diumumkan oleh Pengarah Bahagian Pelesenan bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Azman Sirun dalam satu sidang media sejurus tamat Mesyuarat Biasa Majlis di sini 28 November lalu.

“Untuk itu (pindah milik lesen) sekarang ini, Majlis akan benarkan sekiranya pemilik asal berhasrat menukar nama perniagaan kepada keluarga terdekat (ibu, ayah, dan

anak).

“Berbanding dahulu, pemilikan tidak boleh dipindah milik, seseorang kena mohon baharu kerana ia merupakan *high risk business*, tetapi pindah milik ini hanya melibatkan kedai sahaja dan tidak tertakluk kepada penjaja kecil,” jelasnya.

Dalam sidang media sama, Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam turut meluluskan cadangan untuk permit penggunaan ruang awam bagi aktiviti komersial di kawasan *Business Improvement District Scheme* (BIDS) Jalan Gurdwara.

Menurut Datuk Bandar, Dato’ Ar. Yew Tung Seang, perkara tersebut diluluskan bersyarat bagi menggalakkan aktiviti di kawasan BIDS.

“MBPP telah memperluaskan laluan pejalan kaki sedia ada kepada tahap yang amat selesa dan luas sejak dua tahun lalu, oleh itu jika bukan waktu puncak (pejalan kaki), premis-premis pada sepanjang kawasan BIDS dibenarkan membuat permohonan untuk meletakkan kerusi meja pada laluan ini.

“Waktu yang dibenarkan (bukan waktu puncak) iaitu dari jam 6 petang hingga 1 pagi, tertakluk kepada syarat-syarat ditetapkan.

“Ini merupakan satu peluang menambah baik perniagaan dan pada masa sama lebih ramai akan berkunjung ke situ... cuma sekarang ini kita berdepan dengan masalah pengunggang motosikal yang kerap menggunakan laluan itu,” katanya.



AR. Yew Tung Seang.

Promosi lesen anjing baru sehingga 31 Mac 2020



SR. Rozali Mohamud.

SEBERANG JAYA – Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) bakal membatakan semua kompaun atas kesalahan membela anjing tanpa lesen bagi tahun ini dengan syarat pemilik perlu mendapatkan lesen berkaitan pada 2020.

Datuk Bandar MBSP, Dato’ Sr. Rozali Mohamud berkata bahawa promosi itu sah sehingga 31 Mac 2020 sahaja.

“Tujuan program promosi lesen anjing bagi tahun 2020 adalah untuk menggalakkan pemilik anjing mendapatkan lesen bagi haiwan peliharaan masing-masing bagi tahun 2020,” jelasnya.

Rozali berkata demikian pada sidang media selepas mempergerusikan Mesyuarat Penuh Majlis Ke-545 (Bil. 11/2019) di Menara Bandaraya MBSP dekat Bandar Perda di sini pada 26 November 2019.

Jelas Rozali, lesen anjing tahun 2020 boleh diperoleh di semua kaunter perkhidmatan MBSP mulai 2 Disember 2019.

“Pemilik anjing yang mempunyai kompaun perlu mengemukakan salinan kompaun tersebut kepada pegawai kaunter semasa mendapatkan lesen anjing masing-masing,” ujarnya.

Sebelum itu, Rozali menyatakan semakan MBSP mendapati bahawa pengeluaran lesen anjing pada tahun 2019 adalah agak menurun iaitu 5,248 lesen dikeluarkan sehingga Oktober lepas, berbanding sasaran 7,000 lesen anjing.

Beliau memberitahu, mengikut Undang-Undang Kecil 3(3), Undang-Undang Kecil Kawalan Anjing Majlis Perbandaran Seberang Perai 1982, sesiapa yang mempunyai, menyimpan atau menyelenggarakan anjing yang tidak dilesenkan adalah dianggap melakukan suatu kesalahan di dalam undang-undang kecil ini.

Salah guna laluan pejalan kaki dan basikal, penunggang motosikal berdepan kompaun RM300

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

Gambar : **CHAN KOK KUAN**

PADANG KOTA – Tindakan kompaun RM300 boleh dikenakan sekiranya penunggang motosikal menggunakan laluan khas pejalan kaki dan lorong basikal untuk meletakkan kenderaan serta menunggang di laluan tersebut.

Menurut Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato’ Ar. Yew Tung Seang, kesalahan tersebut adalah tertakluk di bawah Kaedah-kaedah Lalu Lintas 1959.

“MBPP menyeru penunggang motosikal supaya mematuhi arahan ini demi keselamatan pejalan kaki dan orang awam yang menggunakan laluan tersebut yang mungkin juga sahabat mereka sendiri.

“Kita juga telah kenal pasti beberapa kawasan yang sering digunakan oleh penunggang motosikal dengan menyalahgunakan laluan pejalan kaki antaranya di Padang Kota, Persiaran Karpal Singh,

Jalan Kelawei, laluan basikal dekat pusat membeli-belah Queensbay dan *The Light*,” ujarnya ketika melancarkan Kempen Tiada Motosikal Di Atas Siar Kaki & Laluan Basikal di Esplanade dekat sini 28 November lalu.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya, Dato’ Ir. Addnan Mohd. Razali, Ahli-ahli Majlis MBPP dan Ketua-ketua Jabatan.

Tambah Tung Seang, tujuan utama kempen tersebut diadakan bukan untuk memberikan kompaun, sebaliknya bertujuan untuk menjaga keselamatan pejalan-pejalan kaki dan penunggang basikal.

“Tindakan mendidik adalah secara berterusan, namun mereka masih boleh dikompaun,” tegasnya.

Tung Seang dalam pada itu turut memaklumkan untuk kesalahan sebelum ini, kompaun yang dikenakan kepada penunggang motosikal adalah sebanyak RM250, namun kini telah dinaikkan kepada RM300.



SALAH seorang penunggang motosikal yang didapati ‘menyalahgunakan’ laluan pejalan kaki dikenal pasti sepasukan penguatkuasa bersempena gimik pelancaran Kempen Tiada Motosikal Di Atas Siar Kaki & Laluan Basikal di sini baru-baru ini.

Projek kehijauan Lebuh Sungai Pinang 7 kumpul maklum balas semua kelompok gender

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB

Gambar : YEOH YIN YIN

SUNGAI PINANG - Tanah lapang berkeluasan 3.2 ekar di sini akan dinaik taraf sebagai kebun kejiranan mulai 2020, dan dijangka siap pada tahun berikutnya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim berkata demikian dalam Program Kumpulan Tumpu Bincang mengenai Projek Penghijauan Lebuh Sungai Pinang 7 di sini pada 5 November 2019.

"Program ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas rakyat tentang pelan cadangan untuk Taman Kejiranan di Lot 552 dan Lot 576, Lebuh Sungai Pinang 7, dengan keluasan 3.21 ekar.

"Bertemakan 'Kelompok Berbeza, Keperluan Berbeza', pengajur sedaya-upaya mendapatkan maklum balas daripada wanita dan lelaki, kanak-kanak lelaki, kanak-kanak perempuan, warga emas dan OKU (orang kurang upaya), dengan menyumbangkan pandangan serta cadangan mereka secara aktif sepanjang program dijalankan."

"Jika ia berjalan lancar, taman itu boleh memulakan (projek) pembinaan pada tahun depan."

"Pada tahun 2021, kita boleh memiliki sebuah taman yang lebih maju," jelasnya sambil merakamkan penghargaan kepada Perbadanan Stadium dan Tanah Lapang Pulau Pinang ekoran menganjurkan acara lokal tersebut.

Turut berucap, Exco Belia & Sukan, Soon Lip Chee yang juga ADUN Bagan Jermal; Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Mohamed Akbar Mustapha dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Ong Bee Ling.

Dalam pada itu, Lip Chee antara lain menggesa para pemaju supaya tidak memisahkan ruang awam bagi beberapa projek



SOON Lip Chee (dua dari kiri) memberi penjelasan kepada pihak-pihak berkaitan dalam Program Kumpulan Tumpu Bincang mengenai Projek Penghijauan Lebuh Sungai Pinang 7 di sini baru-baru ini.

perumahan baharu di tempat yang sama.

"Dalam apa-apa projek pembangunan, pemaju mesti mengekalkan 10 peratus ruang terbuka."

"Pun begitu, sesetengah pemaju akan memisahkan 10 peratus ruang terbuka di tempat yang berbeza, jadi tidak mudah untuk membangunkan sebarang pelan."

"Nasib baik, ruang terbuka di sini adalah luas 3.2 ekar dan boleh dirancang dengan baik serta berkembang menjadi taman rekreasi," ujarnya sambil memuji inisiatif PWDC mengadakan sesi temu bincang dengan penduduk setempat untuk mendapatkan maklum balas mengenai cadangan pelan pembangunan kemudahan di kawasan kediaman mereka."

Dalam pada itu, Akbar memberitahu bahawa reka bentuk awal taman itu akan dibahagikan kepada tiga blok utama iaitu

Kawasan Aktif, Kawasan Semi-Aktif dan Kawasan Pasif.

Tambah beliau, reka bentuk semasa merupakan konsep permulaan dan akan diubah selepas menerima maklum balas penduduk setempat.

"Kawasan bukit, kawasan rekreasi di bawah pokok teduh, peralatan kecergasan luaran, pavilion, papan gelongsor dan taman hiburan antara kemudahan yang dicadangkan dalam pelan asal bagi satu-satu projek pemajuan kawasan ruang terbuka kebun kejiranan," ulasnya.

Difahamkan, sejak 3 November lalu, aktiviti pengumpulan maklum balas penduduk telah dijalankan melalui dua pendekatan iaitu Kumpulan Tumpu Bincang dan Undi Keperluan.

Kumpulan Tumpu Bincang (KTB) merupakan salah satu kaedah pengumpulan data di bawah mekanisme *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB).

Manakala, kaedah yang mementingkan "Kelompok Berlainan, Keperluan Berbeza" tersebut akan membahagikan responden kepada lapan kumpulan mengikut jantina serta umur, tanpa mengira latar belakang.

Fasilitator dan pencatat nota yang terdiri daripada wakil komuniti-iaitu Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) - mengendalikan sesi KTB untuk mendapatkan maklum balas mengenai cadangan komponen di Taman Kejiranan Lebuh Sungai Pinang 7.

Sementara Undi Keperluan pula adalah kaedah mengundi pilihan komponen taman mengikut pecahan jantina dan umur (kod warna pelekat yang berbeza). Setiap responden mendapat 8 pelekat undi untuk memilih komponen taman yang diminati.

Projek Penghijauan: Taman Kejiranan Lebuh Sungai Pinang 7 merupakan Projek Ruang Awam (*Public Spaces Project*) yang pertama membabitkan kerjasama PWDC dengan Kerajaan Negeri, selain projek perumahan dengan Bahagian Perumahan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

'Duit Kita, Hak Kita 2.0' demi keperluan sebenar masyarakat

MACHANG BUBUK - Pelancaran program 'Duit Kita, Hak Kita 2.0' di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Machang Bubuk baru-baru ini bukan hanya terhad kepada perbincangan mengenai RM100,000 yang diperuntukkan sebelum ini.

Bahkan, menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon, program itu sebenarnya membincangkan mengenai keperluan sebenar masyarakat berdasarkan maklum balas daripada mereka sendiri.

"Program ini adalah untuk membolehkan rakyat menentukan projek yang perlu dilaksanakan supaya rakyat mempunyai autonomi serta hak penyertaan."

"(Justeru,) program tahun ini (2019) tidak akan menetapkan (perincian) belanjawan, tetapi akan memastikan pelan yang dilaksanakan benar-benar dapat memberi manfaat kepada rakyat," jelasnya dalam acara pelancaran program tersebut pada 19 November 2019 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Steven Sim Chee Keong yang juga Ahli Parlimen Bukit Mertajam; Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Bernard Cheen Goon Hooi dan para anggota Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) setempat.

Khai Loon memberitahu bahawa edisi kedua program tersebut berjaya dilaksanakan selepas kejayaan 'Duit Kita, Hak Kita 1.0' dengan sumbangan langsung daripada Chee Keong sejumlah RM50,000 sebelum ini.

Dalam pada itu, beliau turut memohon Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan



LEE Khai Loon (barisan pertama, lima dari kanan), Steven Sim Chee Keong (barisan pertama, berbaju hitam) dan wakil-wakil berkaitan menunjukkan plakat masing-masing pada Majlis Pelancaran Program 'Duit Kita, Hak Kita 2.0' di sini baru-baru ini.

(PBT) supaya meningkatkan peruntukan pembangunan untuk keperluan kawasan Cherok To'Kun, Machang Bubuk.

Terdahulu, Khai Loon pada tahun 2015 mencadangkan pelaksanaan program 'Duit Kita, Hak Kita' sebelum mendapat sambutan menggalakkan daripada beberapa wakil rakyat lain termasuk Chee Keong di negeri ini.

"Di bawah program tersebut, hak rakyat dalam menentukan keutamaan perbelanjaan awam di peringkat setempat cuba digalakkan oleh agensi-agensi negeri tertentu untuk satu tempoh pelaksanaan."

"Selepas itu, pelaksanaan program 'Duit kita, Hak kita 1.0' di Machang Bubuk telah membolehkan penduduk untuk mengundi supaya menaik taraf asas di kawasan Permatang Tinggi.

"Pada masa sama, program ini juga mendapat pengiktirafan oleh organisasi antarabangsa, (*International Observatory on Participatory Democracy*, IOPD), dan juga memenangi Anugerah Amalan Penyerataan Rakyat Terbaik melibatkan penyertaan 65 negara," jelasnya.

Warga emas terima MyKad selepas lima dekad menanti

JAWI - Setelah menunggu selama 56 tahun, akhirnya seorang warga emas dari Ladang Changkat menerima kad pengenalan warganegara (MyKad).

M. Kadirvelu, 68, sebelum ini merupakan pemegang kad pengenalan pemastautin tetap (MyPR) atau lazim dikenali sebagai 'kad pengenalan merah'.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, H'ng Mooi Lye, Kadirvelu sememangnya terlalu berharap untuk memilik taraf warganegara, namun segala usaha untuk memohon status berkenaan menemui jalan buntu.

"Sepanjang tempoh untuk mendapatkan kad pengenalan 'biru' (MyKad), Kadirvelu hampir berputus asa sehingga masalah yang dihadapi mendapat perhatian saya."

"Setelah merujuk ke Pejabat Timbalan Ketua Menteri II, dalam masa beberapa bulan selepas itu beliau telah menerima surat daripada Jabatan Pendaftaran Negera (JPN) dan berjaya mendapat kad pengenalan 'biru'," ujarnya ketika ditemui Buletin Mutiara baru-baru ini.

Difahamkan, bapa Kadirvelu merupakan warganegara, malah keluarga beliau juga semuanya memiliki MyKad.

Dalam pada itu, Mooi Lye menyeru mana-mana pemegang MyPR yang layak memohon MyKad atau mempunyai masalah berhubung sijil kelahiran dan kewarganegaraan untuk merujuk Pegawai Pembantu Kewarganegaraan.

"Di Pulau Pinang, kita mempunyai pegawai-pegawai di setiap daerah untuk membantu dalam urusan kad pengenalan, sijil kelahiran, kematian dan sebagainya," katanya yang berharap agar pemohon tidak berputus asa serta bertemu dengan wakil rakyat atau Pegawai Pembantu Kewarganegaraan di daerah masing-masing untuk mencari penyelesaian.

Sebagai rekod, sejak diwujudkan Program Kewarganegaraan Pulau Pinang, seramai 1,118 individu berjaya mendapatkan pengesahan taraf kewarganegaraan.

Berikut adalah senarai Pegawai Pembantu Kewarganegaraan di Pulau Pinang :

Bil.	Nama	Daerah	No. Telefon
1	K. Krishnansamy (Penyelaras)	Seberang Perai Utara	012-488 1553
2	U. Jagatisan	Seberang Perai Selatan	010-563 2279
3	Rachenamoorthy	Seberang Perai Tengah	019-457 2271
4	Yeap Choon Keong	Daerah Timur Laut	013-449 0366
5	K. Velan	Daerah Barat Daya	018-234 4537

Pejabat Kewarganegaraan Pulau Pinang
Tingkat 3, KOMTAR,
10503 Pulau Pinang.

Sertai CERT bantu komuniti hadapi kecemasan serta bencana

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

Gambar : **TAN KEAN MING**

SUNGAI PINANG – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim menyeru kepada golongan muda khasnya mereka yang berusia 18 tahun dan ke atas agar menyertai pasukan sukarelawan, *Community Emergency Response Team* (CERT) di bawah kelolaan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

Menurutnya, selain dapat menyumbang bakti kepada komuniti, melalui pembabitan dalam CERT juga berupaya membantu orang ramai ketika berlakunya sesuatu kecemasan atau bencana.

“Kita dapat lihat sejauh mana kemampuan anggota APM yang dilatih untuk kemahiran menyelamat seperti bantuan CPR (resusitasi kardiopulmonari) dapat membantu orang ramai dengan lebih cepat.

“Oleh itu, saya ingin menyeru kepada anak-anak muda untuk menyertai CERT kerana (salah satu) tugas CERT adalah sebagai barisan paling utama dalam memberi bantuan sebelum lain-lain agensi sampai,” kata beliau ketika merasmikan Karnival Kesihatan Keluarga



SEBAHAGIAN aktiviti kraf yang disediakan untuk pengunjung cilik.

Sempena Kesedaran Hari AIDS Sedunia dekat Lebuhraya Sungai Pinang 1 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, wakil daripada Pejabat Daerah Pertahanan Awam Timur Laut yang turut menyampaikan sijil perakuan penubuhan Pasukan Sukarelawan CERT Sungai Pinang.

Mengulas lanjut, Siew Khim berharap komuniti di Sungai Pinang dapat bersama-sama Kerajaan Negeri dan menyokong Visi Penang2030 dalam menginspirasikan bukan sahaja negeri Pulau Pinang malah juga negara.

Terdahulu, Siew Khim meluangkan masa meninjau ruang pameran yang diadakan



LIM Siew Khim (empat dari kanan) menerima sijil perakuan penubuhan Pasukan Sukarelawan CERT Sungai Pinang daripada wakil Angkatan Pertahanan Awam Malaysia bersempena penganjuran Karnival Kesihatan Keluarga Sempena Kesedaran Hari AIDS Sedunia di sini baru-baru ini.

bersempena penganjuran karnival berkaitan.

Difahamkan, penganjuran karnival berkenaan merupakan kali keempat pada tahun ini dalam usaha meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai penjagaan kesihatan serta mewujudkan kesedaran mengenai AIDS.

Dianjurkan bersama oleh Pusat Khidmat KADUN Sungai Pinang, Pusat Khidmat Parlimen Tanjung, Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) Sungai Pinang, Briged Wanita Sungai Pinang, Majlis Pengurusan Komuniti

Kampung (MPKK) Sungai Pinang serta Komuniti Harapan Malaysia (KHM) Jalan Sungai Pinang serta Bandar Baru Jelutong, karnival tersebut turut mendapat sokongan pakar perubatan daripada *Loh Guan Lye Specialists Centre*.

Pelbagai aktiviti menarik disajikan kepada pengunjung termasuk konsultasi kesihatan, perundingan perubatan tradisional Cina, saringan pemeriksaan kesihatan percuma, demonstrasi kraftangan, demonstrasi pertolongan cemas serta program gunting rambut percuma.

ADUN sambut baik hasrat MPKK tubuh CERT

SERI DELIMA – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid menyambut baik hasrat tiga Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) berkenaan untuk menubuhkan Pasukan Sukarelawan Community Emergency Response Team atau lebih dikenali sebagai CERT.

Ketiga-tiga majlis pengurusan komuniti berkenaan ialah MPKK Island Glades, MPKK Island Park dan MPKK Jalan Aquarium.

Syerleena berkata, hasrat menubuhkan CERT di kawasan berkaitan merupakan langkah terbaik untuk memberikan tindakan pantas sekiranya berlaku sebarang bencana di komuniti masing-masing.

“Di (KADUN) Seri Delima memang kita sudah menubuhkan pasukan CERT dan hasrat ketiga-tiga MPKK ini harus dipuji kerana inisiatif tersebut akan membantu memberikan respons kecemasan secepat mungkin.

“Saya berharap dengan penubuhan CERT di kawasan komuniti di sini, ia akan membolehkan bantuan awal diberi sebelum tibanya pasukan penyelamat di tempat kejadian,” ujarnya baru-baru ini.



SYERLEENA Abd. Rashid (berbaju hitam) merakam gambar kenangan bersama-sama wakil-wakil berkaitan dan para pemenang peraduan melukis serta mewarna bersempena penganjuran program gotong-royong di sini baru-baru ini.

Syerleena sebelum itu turut bersama-sama MPKK dan beberapa jabatan lain menjayakan program gotong-royong dekat Taman Jepun di sini.

Seramai 50 tenaga kerja MPKK setempat, kakitangan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) serta Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang (JPSPP) turut serta.

Selain aktiviti gotong-royong menghapuskan tempat pembiakan nyamuk aedes, turut berlangsung adalah demonstrasi pertolongan cemas, pertandingan mewarna dan pengedaran ebate secara percuma.

Program Khatan Perdana bantu kurang beban ibu bapa

JAWI – Bersempena musim cuti sekolah, Pejabat Khidmat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Jawi dan Pejabat Ahli Parlimen Nibong Tebal mengambil inisiatif menganjurkan program Khatan Perdana yang berlangsung dekat Dewan Serbaguna Jawi pada 24 November lalu.

Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN), H'ng Mooi Lye berkata, program tersebut sedikit-sebanyak dapat mengurangkan beban ibu bapa terutamanya bagi keluarga berpendapatan rendah dan sederhana memandangkan kos berkhatan yang agak mahal.

“Jika hendak berkhatan di klinik-klinik swasta, saya dimaklumkan bahawa caj yang yang dikenakan adalah antara RM150 hingga RM180 seorang yang mana ia memberi bebanan kepada keluarga berpendapatan rendah.

“Justeru, kita anjurkan program ini dengan yuran pendaftaran sahaja sebanyak RM20 dan kos selebihnya akan ditanggung sepenuhnya oleh saya dan pejabat Parlimen Nibong Tebal,” ucapnya pada program berkaitan di sini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Nibong Tebal, Dato' Mansor Othman; Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan, Yazman Yahya serta Ketua Balai Bomba Nibong Tebal, Zara'im Mohd. Lazim.

Mengulas lanjut, Mooi Lye menyatakan bahawa beliau juga yakin penganjuran program kemasyarakatan tersebut mampu meningkatkan



H'NG Mooi Lye (berkemeja putih) dan Mansor Othman (berbaju batik) bergambar kenangan bersama-sama kanak-kanak yang mengambil bahagian dalam program Khatan Perdana KADUN Jawi di sini baru-baru ini.

semangat kekeluargaan serta mengukuhkan lagi ikatan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di negeri ini.

“Program ini juga membuktikan bahawa masyarakat kita masih boleh bersatu di atas nama kepentingan bersama terutamanya apabila membatikan tuntutan atau syariat agama serta budaya.

“Oleh itu, budaya berkhatan beramai-ramai seperti ini harus dikekalkan pada masa-masa akan datang,” ujarnya.

Terdahulu, seramai 100 kanak-kanak yang menyertai program tersebut dirai dengan paluan kompong dan selawat sebelum dimandikan menggunakan pancuran pili oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat bagi mengurangkan debaran.

Bersama-sama jayakan EPY2020!

Teks & Gambar : WATAWA NATAF ZULKIFLI

PADANG KOTA – Sektor pelancongan terus menjadi antara penyumbang penting kepada ekonomi Pulau Pinang dengan catatan kehadiran 7.79 juta pelancong melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas (PIA) pada tahun lalu.

Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan, Yeoh Soon Hin berkata, angka itu sekaligus mengatasi rekod 7.2 juta pelancong yang dicatatkan pada tahun 2017.

“Oleh yang demikian, sektor perkhidmatan termasuk pelancongan menyumbang kira-kira 50 peratus bagi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri dan memintas industri pembuatan yang turut menjadi tulang belakang pembangunan



KEPELBAGAIAN juadah tradisional yang menghiasi pengaturan.

Pulau Pinang.

“Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, Pulau Pinang sering kali mendapat perhatian dalam sektor pelancongan global yang mana pada tahun 2019, CNN Travel meletakkan Pulau Pinang antara 19 destinasi terbaik untuk dikunjungi pada musim bunga ini.

“Bagi pilihan pembaca Conde Nast Traveller, pihak tersebut meletakkan Pulau Pinang antara senarai 30 pulau terbaik di dunia,” ucapnya pada Majlis Perasmian Penang Street Food Festival 2019 (PSFF 2019) di Lebuh Pantai dekat sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz; Ketua Pegawai Eksekutif Penang Global Tourism (PGT), Ooi Chok Yan dan Pengurus Persatuan Hotel Malaysia, Khoo Boo Lim.

Tambah Soon Hin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, selain menjadi destinasi pilihan, makanan Pulau Pinang juga kerap menempa nama di peringkat global seperti asam laksa yang pernah diiktiraf sebagai makanan kelapan tersedap di dunia serta pengiktirafan Asia's Next Great Foodie City.

Bercakap mengenai saranan meletakkan ikon pelancongan Pulau Pinang bersempena sambutan tahun Experience Penang Year 2020 (EPY2020), Soon Hin menyatakan bahawa perkara tersebut adalah tidak perlu kerana seluruh rakyat Pulau Pinang



YEOH Soon Hin ketika berucap pada Majlis Perasmian PSFF 2019 di sini baru-baru ini.

PERCIKAN bunga api yang menghiasi ruang angkasa.



merupakan ‘duta pelancongan’.

“Kita semua (rakyat Pulau Pinang) perlu bersedia untuk menyambut ketibaan para pelancong pada tahun hadapan demi merancakkan kempen EPY2020 yang secara tidak langsung menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri.

“Saya percaya rakyat negeri ini mampu menjadi ‘duta pelancongan’ dengan keramahan serta produk-produk pelancongan yang ditawarkan,” ujar beliau.

PSFF yang disambut kali ketiga pada tahun ini merangkumi 90 gerai pelbagai juadah istimewa dari seluruh pelosok negeri yang dikumpulkan di bawah satu bumbung.

Escape taman tema bebas karbon pertama Asia kelak

Gambar : ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

TELUK BAHANG – Taman Tema Escape (Escape) melakar sejarah apabila menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama-sama syarikat GSparx Sdn. Bhd. (GSparx) bagi pembinaan sistem tenaga solar di taman temanya dekat Teluk Bahang.

MoU tersebut ditandatangani antara tiga pihak iaitu pengasas merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Sim Leisure Group, Sim Choo Kheng; Pengurus Gspax, Datuk Nor Azman serta Ketua Pegawai Pemasaran Tenaga Nasional Berhad (TNB), Megat Jalaludin Megat Hassan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, jalinan usahasama itu bakal menjadikan Escape sebagai taman tema bebas karbon pertama di rantau Asia.

“Saya gembira dapat menyaksikan pemeteraian perjanjian antara Escape dan GSparx bagi pemasangan tenaga boleh diperbaharu sekaliugus meletakkan ia sebagai taman tema bertaraf antarabangsa dalam pelaksanaan inisiatif hijau.”

Inisiatif ini juga menunjukkan bahawa Escape bukan sahaja mesra alam semula jadi, malah menjadi contoh untuk menunjukkan



bahawa tidak semua projek pembangunan boleh menyebabkan kemuasan alam sekitar.

“Perkara ini juga sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri yang mahu mempelbagaikan sektor pelancongan di negeri ini dan pada masa sama tetap memelihara alam semula jadi,” ucapnya pada Majlis Perasmian Escape Fasa 3 di sini 9 November lalu.

Hadir sama, Menteri Kewangan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih, Lim Guan Eng dan ADUN Teluk

Bahang, Zolkifyl Md. Lazim.

Difahamkan, Fasa 3 Escape merangkumi gelongsor air terpanjang di dunia sejauh 1,111 meter, kemudahan kereta kabel dan tubby racer baru.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa Escape menjadi tarikan utama pelancong di negeri ini dan taman tema nombor satu dalam negara untuk tempoh beberapa tahun.

Menurut beliau, pelancong dari seluruh

dunia datang ke Escape ekoran tarikan unik serta permainan menarik di tengah-tengah persekitaran alam semula jadi yang indah.

Berdasarkan statistik Jabatan Imigresen Malaysia, Pulau Pinang mengalami peningkatan kehadiran pelancong (asing) sebanyak 207.7 peratus dari Januari hingga Ogos 2019 berbanding tempoh sama tahun lalu.

“Bagi 2019, Pulau Pinang mencatatkan kehadiran pelancong (asing) seramai 89,535 orang berbanding hanya 29,101 tahun lalu untuk tempoh sama.

“Berdasarkan kajian Universiti Sains Malaysia (USM) juga, sebanyak 10.9 peratus daripada pelancong tempatan dan antarabangsa mengunjungi Escape, dan ini merupakan satu pencapaian yang menakjubkan,” ujarnya yang juga ADUN Padang Kota.

Dalam pada itu, Choo Kheng memberitahu bahawa pemasangan sistem fotovoltaik (panel solar) di taman tema berkaitan dijangka mengambil masa kira-kira enam bulan hingga setahun.

“Selepas siap kelak, Escape akan dijana menggunakan tenaga solar dan sebagaimana maklum, hanya dua taman tema menggunakan tenaga jenis ini iaitu di Amerika Syarikat,” jelasnya.